AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI

قليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 28 BILANGAN 48 | RABU 30 NOVEMBER, 1983. | رابو 24 صفر 1404 | PERCUMA





GAMBAR atas kelihatan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin dengan diiringi oleh pegawai-pegawai kanan AMDB, setelah melawat salah sebuah kubu pertahanan. Sementara gambar kanan Kebawah DYTM dengan menaiki landrover ketika menyaksikan latihan pertempuran peperangan di sekitar kawasan Labi.

## Paduka Seri Begawan Sultan saksikan latihan tentera

LABI, BELAIT. — Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin telah berkenan berangkat bercemar duli bagi menyaksikan secara dekat latihan ketenteraan yang diadakan di sekitar kawasan Labi dan Bukit Puan di sini pada petang hari Isnin yang baru lalu.

Latihan ketenteraan yang diberi nama 'Usaha Bersama IV disertai oleh kira-kira 800 orang anggota tentera, yang terdiri dari Batalion Pertama Askar Melayu Diraja Brunei, Askar Singapura yang sedang menjalani latihan di Daerah Temburong dan Askar Gurkha yang ditempatkan di negara ini, yang bertindak sebagai musuh dalam latihan itu.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin ke tempat latihan, dijunjung dan dialu-alukan oleh Pemerintah Pasukan AMDB, Brigedier Jeneral J.P.W. Friedberger, Timbalan Pemerintah, Y.B. Pehin Orang Kaya Seri Dewa Kolonel Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, serta Pegawai-Pegawai Kanan Pasukan

**Liputan: Muhaimin HM.**
**Gambar: Ak Bahar PHO**

AMDB. Turut serta mengiringi keberangkatan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia ialah salah seorang cucunda Kebawah Duli Yang Teramat Mulia, Y.A.M. Pengiran Anak Abdul Wadood.

Setelah itu, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia dijunjung ke kem gerakan bagi mendengar penerangan ringkas berhubung dengan operasi latihan peperangan yang disampaikan oleh Pegawai Pemerintah Batalion Pertama, Y.D.M. Pehin Datu Paduka Raja Dato Seri Laila Jasa Lt. Kolonel Shari bin Ahmad.

Di samping menyaksikan latihan pertempuran perang, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia juga melawat kubu-kubu dan kawasan benteng pertahanan penentang musuh, markas cawangan udara dan khemah bekalan makanan. Lawatan yang singkat itu memakan masa satu jam. Latihan tersebut yang telah berjalan selama lima hari di sini berakhir pada hari ini.

## RBA ke Jakarta

BANDAR SERI BEGAWAN. — Diraja Brunei akan memulakan perkhidmatan ke Jakarta akhir bulan depan. Dengan perkhidmatan yang akan bermula pada 31 Disember itu, Diraja Brunei menghubungkan Negara Brunei Darussalam dengan kesemua ibu negara ASEAN.

Perkhidmatan ke Jakarta itu akan diadakan dua hari dalam seminggu iaitu pada tiap-tiap hari Selasa dan Sabtu. Pada tiap-tiap hari Selasa penerbangan BI 743 akan bertolak pada jam 9.25 pagi dan tiba di Jakarta dua jam 25 minit kemudian. Pada tiap-tiap hari Sabtu penerbangan BI 745 akan bertolak pada jam 2.00 petang.

Tambang bagi kelas pertama satu hala ialah $640.00 manakala kelas ekonomi ialah $457.00. Tambang murah pergi dan balik selama 4/5 hari ialah $574.00 sementara tambang murah bagi sebulan ialah $680.00.

## Hadiri sidang di Jepun

BANDAR SERI BEGAWAN. — Timbalan Pengarah Kerja Raya, Awang Zakaria bin Dato Paduka Haji Nordin berlepas ke Tokyo pada hari Isnin lalu untuk menghadiri Persidangan Jepun — Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Sains dan Teknologi, sebagai pemerhati. Persidangan selama dua hari itu bermula esok, 1 Disember.

Di persidangan itu, Awang Zakaria akan di sertai oleh Awang Lim Jock Seng, Ketua Bahagian ASEAN di Jabatan Perkhidmatan Diplomatik dan Ak. Yunus bin Pengiran Haji Mahmud, Pegawai Pentadbir Jabatan Diplomatik yang pada masa ini sedang mengikuti kursus di Jepun.

## Resam tidak mengenang budi dikesali

PULAU BARU-BARU. — Resam sebilangan ahli syarikat kerjasama nelayan di pulau ini yang melupakan jasa-jasa syarikat kepada mereka telah dikesali oleh Pesuruhjaya Kemajuan Kerjasama, Awang Mahmud bin Haji Bakyr dalam mesyuarat agung tahunan syarikat pada 20 November yang lalu.

Mesyuarat agung kali ke-7 yang dihadiri oleh 13 daripada 41 orang ahli yang berdaftar itu telah diadakan di Sekolah Melayu Pulau Baru-Baru.

Pesuruhjaya telah mengambil ingatan bahawa salah satu tujuan syarikat kerjasama nelayan tersebut ditubuhkan pada 21 Mac, 1977 adalah untuk melepaskan sebilangan besar nelayan di pulau itu daripada manipulasi orang tengah. Dengan pinjaman kewangan daripada Lembaga Kemajuan Ekonomi mereka telah dapat ditebus daripada ikatan orang tengah dan selama 6 tahun lebih mereka mendapat kemudahan pinjaman kewangan untuk membeli perkakas menangkap ikan seperti injen dan andang.

Pada tahun kewangan berakhir 28Februari, 1983 pinjaman kewangan sejumlah $40,000.00 dari Lembaga Kemajuan Ekonomi telah habis dibayar oleh syarikat. Untung bersih pada tahun kewangan itu adalah $9,333.38 dan kumpulan untung bersih sejak syarikat ditubuhkan adalah $39,191.92.

"Oleh sebab buat masa ini syarikat menangguhkan pemberian pinjaman kewangan kepada ahli-ahli disebabkan modal syarikat terikat dalam hutang ahli-ahli berjumlah $20,987.31, maka sebilangan besar ahli telah tidak lagi menjual tangkapan mereka kepada syarikat, malah ada yang terbalik bertaukehkan orang tengah," tegas Pesuruhjaya.

Resam atau tabiat tidak mengenang budi atau jasa syarikat itu adalah sangat dikesali, dan seolah-olah syarikat hanya diguna kalau ia dapat memberikan pinjaman.

Mesyuarat agung itu telah memutuskan supaya perniagaan syarikat terus dijalankan, hutang-hutang ahli akan ditagih oleh pihak Jabatan Kemajuan Kerjasama, pinjaman kewangan akan diberikan kepada ahli-ahli yang menjelaskan hutangnya serta menjual tangkapannya kepada syarikat, dan pinjaman kewangan akan dipohonkan kepada Lembaga Kemajuan Ekonomi sekiranya keadaan menghendakinya.

### MANISNYA IMAN

"SETIAP yang melalaikanmu dari mentaati Allah terdiri daripada harta dan anak pinak adalah mendatangkan keburukan ke atas dirimu." — HADIS Nabi riwayat Ibnu Al-Jauzi daripada Sulaiman Al-Darani.

**Pelita Brunei**

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

30 NOVEMBER. 1983

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## MENJELANG MERDEKA: SEDERHANA DAN TENANG

SEKALIPUN dalam tenang namun suasana menyambut kemerdekaan dan seterusnya Hari Kebangsaan sudah mulai dirasakan.

Mulai minggu lepas iaitu kira-kira lebih sedikit sebulan dari menjelang 1 Januari 1984 di mana negara kita akan mengambil alih semula tanggungjawab penuh antarabangsa sebagai sebuah negara yang berdaulat lagi merdeka, dan kira-kira tiga bulan dari menjelang Hari Kebangsaan pada 23 Februari 1984, radio dan Tv kita sudah menyiarkan lagu dan nasyid patriotik yang sesuai bagi menyemarakkan semangat cintakan negara dan segenap isi di dalamnya. Dijangkakan dalam sedikit masa lagi suasana sambutan akan lebih terasa. Orang ramai setentunya akan didedahkan kepada beberapa aturcara yang sudah disusun dan dipersetujui bagi kedua-dua sempena menjelang merdeka dan Hari Kebangsaan.

Dalam apa hal jua pun, penyertaan semua peringkat orang ramai sangat diambil kira. Sesungguhnya memang itulah yang sewajarnya. Kemerdekaan memanglah mempunyai pertalian dengan semangat serta aspirasi rakyat. Maka perayaan menyambutnya akan merupakan sebahagian daripada manifestasi semangat serta aspirasi tersebut.

Setakat ini penyertaan orang ramai akan kelihatan dengan ketara melalui tiga acara penting. Dua daripadanya ialah pada 31 Disember akan datang dengan perhimpunan sembahyang berjemaah dan membaca Surah Yasin di semua masjid-masjid utama di seluruh negara yang diikuti pada tengah malamnya dengan upacara Pemasyhuran Kemerdekaan di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan. Sementara yang ketiga ialah Perhimpunan Agung Hari Kebangsaan pada 23 Februari 1984 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. Perhimpunan tersebut akan juga disaksikan sendiri oleh tetamu-tetamu dari negara luar.

Dapat dikatakan bahawa dalam ketiga-tiga aturcara tersebut perhatian orang luar akan tertumpu sejauh mana keupayaan kita menjelmakan semangat dan aspirasi dalam bernegara dan berkerajaan. Tapi dari awal lagi mereka patut bersedia untuk mendapati bahawa kita telah memilih dan menentukan penjelmaan tersebut menurut cara kita. Kerana itu mereka tidak sepatutnya akan mengira sebagai suatu keanehan manakala dalam aturcara menjelang kemerdekaan pada 31 Disember itu bercorak ugama, sebab itulah cara kita pada menzahirkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wataala dan memohon perlindungan-Nya di atas pencapaian semula kemerdekaan penuh dalam aman dan selamat. Bahkan dalam upacara Pemasyhuran nanti unsur-unsur yang sama juga akan diketarakan melalui pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran serta gema Takbir ''Allahhu Akbar''.

Dalam kesemua itu yang pentingnya kita semua mestilah berupaya membuktikan yang kita menyambut kemerdekaan dan merayakannya pada Hari Kebangsaan nanti dalam keadaan yang aman dan tenteram. Hal ini penting dengan yang kerananya mematutkan kita terus berwaspada dalam apa jua pemikiran, sikap dan amalan. Jika selama ini kita telah dapat membuktikan keupayaan yang sedemikian sehingga mengkagumkan orang luar, maka insya-Allah kita akan terus membuktikannya.

Maka menjelang saat-saat yang gemilang itu sekalipun suasana sudah mulai dirasakan tapi hendaknya kita akan sentiasa bersikap sederhana dan tenang.

# MERDEKA DISAMBUT DGN. SEMBAHYANG BERJEMAAH



Haji Badaruddin

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peralihan taraf negara ini dari sebuah negeri naungan kepada sebuah negara yang merdeka penuh berdaulat akan disambut dengan kesyukuran dan memohon perlindungan Allah di mana rakyat dan penduduk negara ini akan berjemaah sembahyang Maghrib dan Isyak di masjid-masjid utama seluruh negara pada 31 Disember nanti; dan diikuti dengan upacara Pengisytiharan kemerdekaan di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin pada tengah malamnya.

Manakala Perayaan Hari Kebangsaan pula akan diadakan mulai 23 Februari 1984 dengan Perhimpunan Agung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah yang juga akan disaksikan oleh tetamu negara dari luar negeri.

Demikian dinyatakan oleh Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman dalam ucapannya di Majlis Perjumpaan Penerangan bagi penduduk Kampung Sungai Besar, Kampung Serdang dan Kampung Belukut pada minggu lepas di Dewan Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar.

### SELAMAT

Kemerdekaan yang akan dicapai, menurut Awang Haji Badaruddin lagi, bukan saja akan menjadikan kita bangga menjadi suatu bangsa merdeka yang setaraf dengan bangsa-bangsa lain di peringkat antarabangsa tetapi yang lebih bermakna ialah ianya dicapai dengan selamat dan aman.

Kerana itu, katanya lagi, kita akan menerimanya dengan menanainya ibarat 'menatang minyak yang penuh' melebihi dari cuma sambutan-sambutan dan perayaan-perayaan; dan kita perlu berazam dari sekarang bahawa sekali kita merdeka, kita akan tetap merdeka.

**''Kemerdekaan bukan saja akan menjadikan kita bangga menjadi satu bangsa merdeka yang setaraf dengan bangsa-bangsa lain di peringkat antarabangsa tetapi yang lebih bermakna ialah ianya dicapai dengan selamat dan aman.''**



SALAH seorang penduduk yang menghadiri perjumpaan tersebut sedang mengajukan soalan

Seterusnya Pengarah Penerangan mengingatkan perihal cabaran-cabaran berat yang harus dihadapi oleh negara ini dan rakyatnya setelah merdeka nanti.

### CABARAN

Katanya, cabaran untuk mempertahankan ciri-ciri kenegaraan akan lebih berat. Perhatian kita tidak saja akan tertumpu kepada hal-ehwal dalam negeri bahkan juga hal-ehwal luar negeri di mana kita memikul tanggungjawab antarbangsa.

Oleh yang demikian, beliau menyarankan supaya rakyat terus-menerus mengikhtiarkan kekuatan dalam usaha menegakkan negara yang berdaulat lagi merdeka.

Walau bagaimanapun, Pengarah Penerangan percaya, ia bukanlah suatu usaha ringan yang boleh difikirkan oleh seorang dua atau oleh Kerajaan tanpa kerjasama dan sokongan rakyat.

### MEMELIHARA

"Ia adalah usaha besar bagi seluruh isi Brunei yang kerananya mematutkan kita semua bertambah insaf bahawa tanggungjawab berkerajaan dan bernegara yang akan kita pikul selepas merdeka nanti mestilah ditanggung dan dipikul dengan semangat memelihara kepentingan kita yang sebenarnya dan kepentingan keturunan kita dan negara kita yang bukan sahaja akan kekal memberikan perlindungan yang selamat bahkan akan menjadi kebanggaan sepanjang zaman," tegas Awang Haji Badaruddin.

Ceramah pada malam itu kemudiannya dilanjutkan dengan sesi tanya jawab yang dipengerusikan oleh Cigu Mohd. Jamil bin Me... Guru Besar Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar.

Terdahulu dari itu Pemangku Ketua Kampung Sungai Besar, Awang Chuchu bin Haji Ibrahim telah juga menyampaikan ucapan.

Majlis itu telah dihadiri oleh lebih 150 orang penduduk kampung berkenaan dan sekitarnya; dan termasuklah Penghulu Mukim Kota Batu, Datu Harma Alam Awang Haji Besar bin Munap; dan ketua-ketua kampung.

**''Perhatian kita tidak saja akan tertumpu kepada hal-ehwal dalam negeri bahkan juga hal-ehwal luar negeri di mana kita memikul tanggungjawab antarabangsa.''**

**''.....tanggungjawab berkerajaan dan bernegara yang akan kita pikul dengan semangat memelihara kepentingan kita sebenarnya....''**

## Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 1 hingga 6 Disember 1983

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Sungai Liang dan Sekolah Melayu Lumut | 1.12.1983 | Khamis | 10.00–11.00 pagi |
| Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah | 1.12.1983 | Khamis | 2.30– 3.30 petang |
| Sekoloh Melayu A. Haji Mohd Yussof, Katimahar | 3.12.1983 | Sabtu | 8.30– 9.30 pagi |
| Penjara Jerudong | 3.12.1983 | Sabtu | 9.45–10.45 ,, |
| Sekolah Melayu Mulaut | 3.12.1983 | Sabtu | 11.00–12.00 T/Hari |
| Sekolah Melayu Birau | 3.12.1983 | Sabtu | 1.30– 2.30 petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 3.12.1983 | Sabtu | 2.45– 3.45 ,, |
| Sekolah Melayu Lamunin | 3.12.1983 | Sabtu | 4.00– 5.00 ,, |
| Sekolah Melayu Haji Mohd. Salleh Sungai Hancing | 5.12.1983 | Isnin | 8.45– 9.45 pagi |
| Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Muara | 5.12.1983 | Isnin | 1.45– 2.45 petang |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah) | 6.12.1983 | Selasa | 9.15–10.15 pagi |
| Sekolah Melayu Anggerik Desa | 6.12.1983 | Selasa | 10.30–11.30 ,, |
| Sekolah Ugama Haji Mohd Jaafar, Kampung Kiulap | 6.12.1983 | Selasa | 2.45– 3.15 petang |
| Sekolah Ugama Kampung Mata-Mata | 6.12.1983 | Selasa | 3.35– 4.00 ,, |
| Sekolah Persediaan Inggeris Sengkurong | 6.12.1983 | Selasa | 4.30– 5.30 ,, |

# PENGGUNAAN SUMBER TENAGA MINYAK CUKUP

**Oleh: MUHAIMIN HM**

SATU lagi perkembangan terbaru Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad dalam mencapai keperluan penghasilan petroleum untuk masa depan negara ini, dengan bermulanya pengeluaran minyak dari kilang penapis yang baru di Seria baru-baru ini. Ini juga menandakan satu lagi tahap kemajuan B.S.P. dalam perkembangan minyak dan gas di Brunei.

### PENGELUARAN

Kilang penapis minyak yang baru itu dapat menghasilkan 10,000 tong minyak sehari, iaitu lebih empat kali ganda daripada loji memproses yang lama di Muara, yang akan ditutup nanti.

Buat pertama kalinya kilang itu memproses minyak untuk kegunaan pesawat-pesawat kapal terbang. Ianya dibuat hasil dari adunan minyak mentah yang terdapat di negara ini. Di samping itu, campuran premium motor spirit yang diproses di Muara kini dikendalikan di sini.

Minyak mentah yang diproses di kilang penapis tersebut diperolehi daripada pelantar minyak luar pantai Ampa-Fairley dan Padang Minyak Seria yang dijadikan minyak diesel, minyak tanah, regular dan minyak premium.

Ini bermakna pengeluaran minyak seperti motor spirit, premium regular, minyak gas, minyak tanah dan minyak untuk pesawat kapal terbang bagi kegunaan negara ini adalah mencukupi.

Menurut Pengurus Pemborong Kilang berkenaan, Awang Ron Ford, "Kilang itu dibina selama 18 bulan dan menelan belanja $104 juta. Pemborong utamanya yang mengendalikan kerja-kerja mekanikal ialah Daelim salah sebuah syarikat yang terbesar dan pakar di bidang kejuruteraan dari negeri Belanda.

Dua buah pemborong yang ikut serta ialah Syarikat Yong Tze Kiok dan Syarikat Darussalam. Mereka bertanggungjawab membuat penyatuan kilang terminal dan kilang memproses," jelas Awang Ron Ford.

### ANAK TEMPATAN

Kilang penapis minyak yang baru di bawah penguasa (ROS) seorang anak tempatan, Awang Hamdillah bin Abdul Haji Wahab. Beliau mempunyai seramai 65 orang kakitangan.

Menurut Awang Hamdillah, kilang penapis itu bukan sahaja mencapai matlamat seperti yang diharapkan tetapi ianya juga berjalan dengan lancar dan teratur seperti yang dihasratkan.

Kilang itu juga direka bagi kemudahan pembakaran LGP dan kemudahan pemampat gas. Bekalan-bekalan simpanan dan penggunaan-penggunaan akan disediakan oleh pengkalan, kilang penapis yang baru dan kilang pemampat gas.

Manakala tangki-tangki penyimpanan yang dihubungkan ke kilang itu termasuklah minyak gas, minyak tanah, gasolin, platformat, LNG dan Mogas.

Salah satu bahagian yang penting di kilang itu ialah tempat pengisian. Ianya mempunyai alat pendaftar kawalan loji yang mempunyai alat-alat meter yang sekali gus merakamkan kadar kuantiti pengisian.

Minyak yang dijual melalui bahagian tersebut termasuklah minyak premium, minyak gas, regular, minyak jet A dan minyak mentah Champion.

Minyak tersebut yang telah diisikan ke dalam trak-trak pengangkut (tanker) yang berjumlah kira-kira 40 buah setiap hari akan dibawa ke merata tempat di negara ini, salah satu tempat itu ialah Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas. Ini adalah memandangkan perkembangan pengangkutan udara ketika ini semakin bertambah di negara ini.

### KESELAMATAN

Memandangkan kelompok-kelompok tangki minyak di kilang penapis itu terdedah kepada ancaman kebakaran maka tentu sekali ianya memerlukan satu strategi yang teratur pada mengawal sekitar keselamatan kilang tersebut.

Salah satu unit pekerja bagi membersihkan hakisan ataupun tumpahan minyak telah ditempatkan bagi kemungkinan berlaku di kilang itu. Di waktu malam kilang tersebut dikawal oleh 'photo-electric cell' yang mempunyai lampu-lampu luar berjumlah 640 biji serta mempunyai kuasa melebihi 40,000 watt.

Menurut Awang Suhaily bin Dagong, pegawai bomba yang bertanggungjawab ke atas keselamatan keseluruhan kilang itu memberitahu, walaupun tugas yang dipikulnya adalah berat tetapi beliau penuh yakin semua kakitangan di kilang tersebut akan sentiasa beringat-ingat lagi menjaga keselamatan kilang itu dan telah diberi latihan asas dalam mengawal kebakaran dan menjaga keselamatan.

Awang Suhaily yang telah berkhidmat dengan Shell Brunei sejak 30 tahun yang lalu, berkata, mereka telah pun menyediakan satu senarai panduan kecemasan bagi menentukan tugas-tugas setiap kakitangan seandainya kebakaran berlaku di situ.

Menurutnya lagi, panduan tersebut membahagikan kakitangan di kilang itu kepada dua bahagian — satu pasukan di barisan hadapan yang terdiri dari para operator yang bertugas dan yang satu lagi pasukan pembantu terdiri dari kakitangan yang tidak bertugas.

"Latihan-latihan intensif berhubung dengan teknik-teknik mencegah kebakaran akan diadakan dari semasa ke semasa bagi kakitangan kilang ini, sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan," jelas Awang Suhaily.

Selain daripada itu, kata Awang Suhaily, ada beberapa perkara penting yang perlu dipatuhi oleh setiap kakitangan kilang, umpamanya merokok adalah dilarang di beberapa bahagian kilang, manakala para pekerja yang terlibat di dalam kerja-kerja yang menggunakan kuasa 'radiation' perlulah mendapatkan sijil-sijil tertentu sebelum memulakan tugas-tugas mereka.



SALAH seorang pekerja kilang, Awg. Sapawi bin Hamid ketika membuat pengisian ke tanker bahan bakar penerbangan, iaitu satu penghasilan pertama kilang itu.



DARI Kiri, Awg. Ron Ford, Ketua Projek Pembinaan Kilang; Awg. Henri Joubert, Pengurus LNG; Awg. Eien Mackenzie, Ketua Bhg. Kejuruteraan Darat dan Awg. Hamdillah bin Hj. Abd. Wahab, Penguasa Kilang yang baru, ketika bergambar di hadapan kilang penapis tersebut. Mereka memainkan peranan penting dalam penubuhan dan perlaksanaan kilang itu.



KELOMPOKAN tangki bagi minyak penghasilan ataupun bagi simpanan bahan-bahan campuran yang terdapat di kilang baru itu.



SATU pemandangan di dalam bilik operasi di kilang baru itu, yang mana kesemua pengendaliannya dengan menggunakan alat-alat komputer.

**YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.......**

# PENUBUHAN BANK PERNIAGAAN BAGI ORANG ISLAM (Siri ke-202)



## HIKMAT PENGHARAMAN RIBA

IMAM Ibnu Hajar dalam kitab Az-Zawajir berkata: Ulama telah mengeluarkan illat (sebab) pada tiap-tiap jenis Riba itu tetepi illat itu tiada muttarid (tiada tepat dan tiada tetap). Dari itu saya mengatakan sebagaimana yang telah lalu bahawa setengah-setengah jenis itu tiada diketahui illatnya hanya kita disuruh beramal dan beribadat dengannya. Setengah daripada illat diharamkan riba itu ialah apabila seseorang menjual satu dirham dengan dua dirham sama ada tunai atau bertangguh, nescaya ia mengambil pada masalah yang pertama (tunai) akan lebih satu dirham dengan tiada sesuatu ganti baginya. Dan haram mengambil harta orang Islam seperti darahnya ditumpahkan, begitu juga pada masalah yang kedua (bertangguh), kerana mengambil faedah satu dirham yang lebih itu adalah ia suatu perkara yang waham feadahnya, dan mengharapkan faedah yang waham itu kepada satu dirham yang lebih itu adalah ia sebesar-besar cedera dan mudarat. Pendapat yang lain mengatakan: Sekiranya dihalalkan riba al-fadl nescaya terhentilah segala pencarian dan perniagaan, kerana siapa mendapat dua dirham dengan satu dirham, bagaimana ia boleh menanggung kesusahan dan kepenatan pada mencari kehidupan dan berniaga dan dengan terhentinya pencarian dan perniagaan itu terputuslah segala muslihat manusia, kerana muslihat alam ini tiada dapat teratur melainkan dengan perniagaan, imarah, pertukangan, pekerjaan dan perusahaan. Pendapat yang lain pula: Bahawa riba itu membawa kepada terputus pada berbuat baik dan ihsan dengan jalan menghutangkan, kerana kiranya halal satu dirham dengan dua dirham, maka tiadalah seseorang pun bermurah hati memberi hutang satu dirham dengan satu dirham sepertinya. Pendapat yang lain: Bahawa yang ghalib dan biasa orang yang memberi hutang itu ia kaya dan yang berhutang itu miskin, kiranya dibenarkan orang kaya mengambil lebih banyak dari haknya, nescaya ia memberi cedera (kesusahan) dan mudarat kepada fakir dan itu tiadalah layak dan tiada munasabah dengan rahmat Allah s.w.t.

### AMARAN TERHADAP ORANG YANG MAKAN RIBA

Rasulullah s.a.w. telah menerangkan akan siksa-siksa yang terkandung dalam ayat-ayat Quran ke atas orang-orang yang mengambil riba di dalam banyak Hadis-hadis yang sahih. Seperti Hadis-hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim, Abu Daud dan An-Nasaie daripada sahabat Abu Hurairah r.a. yang bermaksud:

*"Jauhilah kamu akan tujuh perkara yang membinasakan, ujar sahabat-sahabat, ya Rasulullah apa itu? Sabdanya: Menyekutukan Allah, mengerjakan sihir, membunuh nyawa yang telah diharamkan Allah akannya dengan kebenaran syarak, memakan riba, memakan harta anak yatim, lari dari medan pertempuran, dan menuduh zina ke atas perempuan-perempuan yang suci dari kejahatan lagi mereka itu orang Mukminah."*

Diriwayatkan oleh Imam Muslim dan lain-lain ulama Hadis: Rasulullah s.a.w. telah melaknat orang yang makan riba, dan orang yang memberi wakil pada makan riba, dan orang yang jadi jurutulis riba, dan dua orang saksi riba. Sabda Baginda Rasulullah yang maksudnya: Sekalian mereka itu sama hukumnya pada mengambil riba.

Diriwayatkan oleh Imam Ibnu Abi Ad-Dunia dan Al-Baghawi serta lain-lain ulama Hadis akan Hadis-hadis mauquf ke atas sahabat Abdullah bin Salam r.a., satu daripadanya: Berkata sahabat Abdullah: Riba itu mempunyai tujuh puluh dua dosa, sekechil-kechil dosanya seperti seorang berzina dengan ibunya ketika ia dalam Islam, satu dirham dari riba lebih dahsyat daripada tiga puluh kali zina.

Diriwayatkan oleh Imam Abu Yakla dengan isnad jayid daripada sahabat Ibnu Mas'ud r.a. bahawa ia telah menyebut suatu Hadis daripada Nabi s.a.w yang bermaksud: Tiada nyata zina dan riba dalam masyarakat sesuatu kaum melainkan turun azab Allah ke atas mereka itu.

Inilah setengah daripada ibarat Al-Imam As-Syeikh Ibnu Hajar dalam Az-Zawajir yang akan menjadi iktibar dan ingatan dan tegahan dari menceburkan diri dalam salah satu jenis riba yang tersebut di atas ini, kerana Allah s.w.t. akan memerangi orang-orang yang mengambil riba dan barangsiapa diperangi Allah s.w.t nescaya ia akan kalah, tewas dan binasa.

### PENUTUP

Menurut ibarat yang tersebut dalam At-Tuhfah dan Az-Zawajir sebagaimana di atas maka riba al-fadl dan riba an-nisaie dan riba al-qirad yakni riba ... keempat-empat ... haram dengan ... Quran, Hadis dan ... umat Islam oleh ... di atas tiap-tiap ... menjauhi riba ... dalam menjalankan ... niagaan, per... jual beli serta ... mempelajari ... syarat-syarat ... muamalat-muamalat ... lain supaya terselamat ... riba dan selama ... muamalat dan jual ... tidak sempurna ... syaratnya yang ... keduanya itu ... haram serta makan ... haram dalam pe... dan dalam perusahaan ...

Dan dengan ini ... diketahui bahawa ... yang diperoleh ... bank itu adalah haram ... penubuhan bank ... mengikut apa ... ditetapkan oleh ... dengan tiada ... faedah kepada pe... pelanggannya.

WALLAHUAKLAM

# BAHASA ALAT PERHUBUNGAN YANG PALING BERKESAN



Dayang Nuraini bte Abdullah

## Memeluk Ugama Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. - Seorang lagi gadis Dusun memeluk ugama Islam di satu majlis yang berlangsung di rumah Dyg. Timbang bte Haji Jamuddin, No. 4, Kampung Lorong Sikuna, Kampong Ayer baru-baru ini.

Roti bte Subok, 15 tahun berasal dari Limbang, Sarawak telah melafazkan ikrar Islamnya dihadapan Awang Haji Ibrahim bin POKIL (Begawan Mudim) Datu Seri Utama Awang Haji Ismail, Pemangku Ketua Pegawai Perkembangan Ugama. Beliau kini dikenali sebagai Dyg. Nuraini bte Abdullah.

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahasa adalah lambang suara yang digunakan oleh manusia sebagai alat perhubungan di antara satu sama lain yang dapat membentuk masyarakat dengan cara yang lebih berkesan kerana bahasa membolehkan manusia berhubung dan berbicara di antara satu dengan yang lain dengan mudah.**

Demikian dijelaskan oleh Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain bin Hj. Serudin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama ketika berucap sejurus sebelum merasmikan Kursus Singkat Bahasa Arab bagi Guru-guru Sekolah Arab yang telah diadakan di Bilik Perpustakaan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan pada 20 November yang baru lalu.

### LAMBANG SUARA

"Kebolehan berbahasa dengan ertikata yang sebenar, iaitu penggunaan lambang suara sebagai mewakili konsep tertentu atau mempunyai makna yang diterima oleh masyarakat, hanya terdapat pada manusia sahaja," jelas Y.B. lagi.

Menurut Y.B. penguasaan bahasa bermula dengan memahami percakapan yang didengar dan diikuti oleh kebolehan bertutur, kebolehan membaca pula adalah bergantung kepada peluang untuk mempelajari kaedah penguasaan tersebut yang diikuti oleh penulisan.

Seterusnya Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja berkata tujuan mengajar Bahasa Arab kepada kanak-kanak yang bukan Arab ialah supaya kanak-kanak itu faham apa yang kita cakapkan dalam Bahasa Arab itu, dan boleh memberikan jawapan dalam Bahasa Arab kepada soalan yang kita tanyakan. Selain daripada itu kanak-kanak sepatutnya boleh memahamkan dan membincangkan isi sesuatu ayat, sesuatu potongan cerita dan sesuatu buku yang tidak terlalu susah dalam Bahasa Arab itu.

### DENGAN LANCAR

"Mereka hendaknya boleh bercakap Arab dengan lancar, boleh membaca dengan kuat dan terang, dan boleh membuat karangan-karangan yang senang. Pendeknya mereka sepatutnya boleh **bercakap dan menulis** dalam Bahasa Arab dengan baik dengan menggunakan perkataan yang senang."

Untuk mencapai tujuan itu Y.B. menyarankan, kanak-kanak mestilah mendapat latihan dalam Bahasa Arab. Dalam peringkat permulaan yang mustahak ialah latihan bercakap. Selepas itu latihan yang mustahak ialah latihan bercerita, berlakon dan membaca dengan kuat.

Kanak-kanak yang bukan Arab terdiri dari berbagai-bagai bangsa. Maka mengajarkan Bahasa Arab kepada mereka itu bukanlah satu perkara yang senang, tambah Y.B. itu.

### KEMAHUAN

Tetapi kalau kanak-kanak dengan sendiri mempunyai kemahuan untuk belajar, maka dengan senanglah mengajarkannya. Untuk mendatangkan kemahuan pada kanak-kanak supaya dengan sendirinya mempelajari Bahasa Arab, guru hendaklah pandai memberikan tiap-tiap pelajaran dan tiap-tiap **pelajaran yang diberikan** itu pula hendaklah baik. Pelajaran yang baik hendaklah dirancangkan terlebih dahulu, sambung Y.B. lagi.



**Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awg Haji Md Zain.**

Kursus tersebut telah dihadiri oleh guru-guru Bahasa Arab yang mengajar di kedua-dua buah Sekolah Arab Lelaki dan perempuan di Batu 1¼ Jalan Tutong.

**Masalah penyiasatan penangkapan**

BANDAR SERI BE... WAN – Masalah-... hal-ehwal pen... penangkapan, ... waan, kajian ... dan nafkah serta ... masalah yang ... dengan adat ... adalah di antara ... perkara yang telah ... cangkan dalam ... paan pegawai-... Jabatan Hal Ehwal ... yang diadakan di Bilik ... caan, Maktab ... Ugama Seri Begawan ... sini pada hari Ahad ...

Perjumpaan ... diadakan buat kali ... ini bertujuan ... ningkatkan ... kefahaman pe... pegawai jabatan ... berhubung de... perkara-perkara ... tersebut di atas ... menyelaraskan tugas ... di jabatan berkenaan.

## Hari Ibu Bapa

BANDAR SERI BE... WAN. – Sekolah ... Menengah Sungai ... akan menyambut Hari ... Bapa pada 4 Dis... depan.

Pemangku Peng... Pelajaran Brunei, ... Paduka Awang ... bin Munap dijangka ... jadi tetamu kehormat ... sambutan itu nanti.




# PERANAN IBU BAPA SEMAKIN HILANG

MARILAH kita melakukan takwa kepada Allah, kita serahkan diri kepada-Nya dengan cara mengikut dan mematuhi suruhan-Nya dan menjauhi larangan-Nya.

Zaman sekarang telah memberikan batas peranan yang terhad kepada ibu bapa. Ibu bapa hanya seolah-olah untuk menjadi alat penggerak untuk membesarkan anak-anak. Bertugas untuk mengandung, melahirkan dan kemudian membesarkan mereka. Selepas itu, selepas anak-anak besar, peranan dan kewibawaan ibu bapa semakin kecil dan lama-lama hilang.

Inilah ketentuan zaman sekarang. Anak-anak tidak lama menjadi anak, tetapi cepat menjadi bapa kepada bapanya, dan ibu kepada ibunya. Bahkan tidak kurang juga yang menjadi tuan kepada ibu bapanya.

**MENJADI TUAN**

Kita katakan menjadi tuan kepada ibu bapanya, kerana anak-anak sekarang sudah pandai mengatur diri sendiri, tidak mahu terikat kepada ajaran ibu bapa, ibu bapa mereka anggap tidak pandai, tidak tinggi sekolah, tidak terpelajar dan lain-lain. Mereka tidak berurusan lagi dengan ibu bapa. Mereka sudah pun punya kawan dan sahabat teman berunding. Kawan-kawan ini pada pendapat mereka adalah lebih baik lagi dari ibu bapa untuk diajak menyelesaikan masalah. Kerana itu lah ramai ibu bapa jadi ibarat patung bernyawa sahaja layaknya di dalam rumah-rumah orang sekarang. Mereka kehilangan kuku, kehilangan kuasa dan kehebatan di mata anak-anak. Akibatnya tidak sedikit perkara-perkara yang tidak diingini berlaku. Seperti anak-anak berani melawan orang tuanya. Tengking herdik tidak lagi dapat dikira, bahkan setengahnya maki hamun juga ada dan pukul iaitu istimewa bila ibu bapa itu cuba-cuba berkeras sedikit kerana teringatkan dirinya sebagai bapa atau ibu.

Tidak syak lagi, perbuatan tengking atau herdik, atau maki atau apatah lagi pukul adalah perbuatan derhaka namanya, salah satu lagi dosa besar yang sangat dikutuk oleh Allah. Firman Allah Taala dalam Surah Al-Israk ayat 23 dan 24 yang tafsirannya lebih kurang:

*"Tuhanmu telah memerintahkan supaya jangan menyembah selain daripada-Nya. Dan demikian juga Allah memerintahkan supaya kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa. Dan jika salah seorang atau keduanya berada di dekatmu sampai umur yang sangat tua, maka janganlah engakau berkata kepada keduanya 'Cis' dan jangan juga engkau menggertak. Ucapkanlah kepada keduanya perkataan yang hormat. Dan rendahkan diri kepada keduanya dengan kasih sayang, dan katakan: Wahai Tuhanku! Kasihanilah kepada keduanya, sebagimana keduanya mengasihi aku semasa aku masih kecil."*

**Anak-anak yang bergaji besar boleh buat lebih kurang ibu bapanya, Tidak! Tidak! Begitu juga Allah tidak berkata sebaliknya: Anak-anak yang bodoh-bodoh sahaja, yang kurang pelajaran sahaja yang disuruh taat kepada ibu bapa, juga tidak! Tetapi semua anak, selama mana dia bernama anak, tidak kira apa kedudukannya, maka selama itulah dia wajib taat dan merendah diri kepada kedua ibu bapanya. Ini dia perintah Allah Taala.**

Cuba perhatikan ayat ini. Dari kelakuan dan perbuatan kita, sampai perkataan pun disuruh oleh Allah jangan kasar-kasar kepada mereka itu. Perintah ini adalah umum, kepada semua orang, dengan tidak berpilih-pilih. Allah tidak membeza-bezakan, anak-anak yang bersekolah tinggi boleh tengking ibu bapa. Anak-anak yang bergaji besar boleh buat lebih kurang ibu bapanya, Tidak! Tidak! Begitu juga Allah tidak berkata sebaliknya: Anak-anak yang bodoh sahaja, yang kurang pelajaran sahaja yang disuruh taat kepada ibu bapa, juga tidak! Tetapi semua anak, selama mana dia bernama anak, tidak kira apa kedudukannya, maka selama itulah dia wajib taat dan merendah diri kepada kedua ibu bapanya. Ini dia perintah Allah Taala.

Sabda Nabi s.a.w. yang ertinya: *"Allah melaknat barangsiapa yang memaki ibunya."*

Demikianlah mudah-mudahan kita umat Islam, terutama pemuda-pemuda, pemudi-pemudi dan kanak-kanak, hendaklah camkan baik-baik perkara ini supaya kita tidak menyesal kemudian akibat dari derhaka kepada ibu bapa.

## BERNIAGA LEBIH BAIK

Oleh: Haji Mohd. Noor Lubis

**Bingkisan minggu ini**

DI ZAMAN permulaan hijrahnya Kaum Muslimin Mekah ke Medinah, keimanan dan ketakwaan mereka kuat dan teguh, akan tetapi dari segi ekonomi mereka masih dalam taraf yang lemah berbanding dengan keadaan ekonomi kaum Ansar iaitu penduduk asal Medinah, kerana sebahagian besar harta kaum Muhajirin yang baru berhijrah itu sebahagian besarnya terpaksa mereka tinggalkan di Mekah.

Atas kebijaksanaan Rasulullah s.a.w, masalah itu segara diatasi dengan mewujudkan ikatan persaudaraan di antara kaum Ansar dan Muhajirin yang dengannya kaum Muhajirin boleh mewarisi harta kaum Ansar. Hal yang demikian berlaku sehinggalah kedudukan kaum Muhajirin terjamin terutamanya dari segi ekonomi.

Ketika ikatan persaudaraan ini berlaku tersebutlah kisah di antara Sayidina Abdur Rahman bin Auf r.a. dengan Sayidina Saad bin Rabik r.a. Abdur Rahman bin Auf salah seorang kaum Muhajirin yang diangkat menjadi saudara oleh Sayidina Saad bin Rabik. Saad bin Rabik berkata kepada Abdur Rahman bin Auf, Hai saudaraku, aku termasuklah orang yang terkaya di Medinah ini, kalau saudara mahu ambillah separuh dari harta kekayaanku itu dan juga aku mempunyai dua orang isteri, kalau saudara mahu mengambil mana yang paling cantik sebagai isteri saudara, aku akan menceraikannya. Abdur Rahman dengan lemah lembut menolak pelawaan saudaranya itu, beliau hanya memohon kepada Saad supaya menunjukkan pasar tempat berjual beli, kerana beliau ingin menceburi bidang perniagaan demi untuk meninggikan dan memperkukuhkan taraf ekonomi kaum Muslimin supaya dapat memberi bantuan kepada fakir miskin dan kepada perjuangan ugama Islam yang sangat memerlukan bantuan ketika itu.

Setelah pasar tempat berjual beli diperolehi, Abdur Rahman pun membukalah perniagaannya. Kerana kesungguhan minat dan kejujurannya beliau telah berjaya dalam perniagaannya sehingga beliau diberikan gelaran Tujjarullah (saudagar Allah).

Alangkah baiknya jika orang-orang Islam di zaman ini lebih ramai lagi yang mencontohi jejak langkah Sayidina Abdur Rahman itu, kerana dalam pandangan Islam berniaga itu merupakan suatu usaha yang paling baik dan terpuji sebagaimana yang telah disabdakan oleh Rasulullah s.a.w. yang bermaksud kira-kira :

*"Diriwayatkan dari Jumaie bin Umair dari pamannya, katanya: Rasulullah s.a.w. pernah ditanya mengenai usaha atau pekerjaan yang paling baik dan terpuji. Nabi memberi penjelasan dengan sabdanya: Berjual beli yang jujur dan usaha seseorang melalui tangannya sendiri."*

Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan lain-lain.

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 30 November, 1983 hingga ke hari Selasa 6 Disember, 1983 adalah seperti di bawah ini : —

| Tarikh | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak | Imsak | Subuh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 30 Nov | 12.13 | 3.32 | 6.10 | 7.25 | 4.39 | 4.54 | 6.12 |
| 1 Dis | 12.15 | 4.34 | 6.12 | 7.26 | 4.41 | 4.56 | 6.14 |
| 2 Dis | 12.15 | 4.34 | 6.12 | 7.26 | 4.41 | 4.56 | 6.14 |
| 3 Dis | 12.15 | 4.34 | 6.12 | 7.26 | 4.41 | 4.56 | 6.14 |
| 4 Dis | 12.15 | 4.34 | 6.12 | 7.26 | 4.41 | 4.56 | 6.14 |
| 5 Dis | 12.15 | 4.34 | 6.12 | 7.26 | 4.41 | 4.56 | 6.14 |
| 6 Dis | 12.18 | 3.36 | 6.13 | 7.28 | 4.44 | 4.59 | 6.17 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu.

Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei di mulai dari pukul 12.45 minit tengah hari.

## Bangunan Letak Kereta diserahkan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bangunan Letak Kereta beringkat yang menelan belanja kira-kira $12 juta yang baru siap pembinaannya baru-baru ini telah diserahkan pemeliharaannya kepada pihak Kerajaan.

Penyerahan itu telah dibuat oleh Pemborong Awg. Herbert Tam kepada Jurutera Pembinaan di Jabatan Kerja Raya, Pg. Abu Bakar bin PSI Pg. Haji Ismail di satu majlis ringkas di bangunan itu pada 15 November lepas.

Dengan yang demikian bangunan tersebut akan dipelihara dan di bawah jagaan Jabatan Lembaga Bandaran, di sini.

Turut hadir di majlis penyerahan itu termasuklah Pengerusi Lembaga Bandaran Awg. Haji Yaakub bin Haji Ahmad, Pegawai-pegawai Kanan dari Jabatan Kerja Raya dan Bandaran.

## Kuliah Subuh

GADONG. — Pasukan Polis Diraja Brunei sedang mengadakan satu siri Kuliah Subuh bertempat di surau pasukan tersebut di sini.

Ianya telah bermula pada pagi Jumaat lepas dan akan dilangsungkan lagi pada 9 Disember dan 23 Disember depan.

Kuliah-kuliah disampaikan oleh Pemangku Imam Surau itu, Ustaz Haji Long bin Haji Saman.

Umat Islam yang tinggal di sekitar surau tersebut adalah dipersilakan menghadirinya.

# DARI MAJLIS TAKLIMAT



SEBAHAGIAN daripada ahli-ahli Badan Kebajikan Mualaf Daerah Belait sedang mendengar penerangan oleh Pengarah Penerangan di majlis tersebut.



## PROJEK PEMBANGUNAN SEDANG RANCAK DI KUALA BELAIT

KUALA BELAIT. — Beberapa buah projek Kerajaan di Daerah Belait kini sedang dalam pembinaannya. Projek-projek yang sedang dilaksanakan di sini itu antaranya ialah Kompleks Bangunan Pejabat-pejabat Kerajaan, Bangunan Perhentian Bas, Kompleks Sukan di Kampung Mumong, pembinaan tembuk laut, dan Kompleks Bangunan Kerajaan di Seria.

Kompleks Bangunan Pejabat-Pejabat Kerajaan di Daerah Belait dijangka siap pada tahun 1985, manakala Kompleks Bangunan Kerajaan di Seria akan siap awal tahun depan.

Perkara tersebut telah dinyatakan oleh penolong Pegawai Daerah Belait, Pg Alihassan bin DSLJ Pg Haji Abas kepada peserta-peserta taklimat Ahli-Ahli Badan Kebajikan Mualaf Daerah Belait anjuran Bahagian Penerangan di sini pada 19 November, lepas.

Menurut Pg Alihassan, Pejabat Daerah sentiasa berhubung rapat dengan orang ramai terutama sekali dalam memberikan kemudahan-kemuduhan serta membantu mereka menyelesaikan sesuatu masalah.

Di antara kemudahan-kemudahan tersebut, katanya ialah membina dan memelihara jalan-jalan kecil bagi memudahkan perhubungan di antara penduduk-penduduk luar bandar dengan kawasan pedalaman. Pejabat Daerah juga mengadakan pembersihan sungai-sungai bagi kemudahan para penduduk yang menggunakan sungai sebagai alat perhubungan dan pengangkutan, serta mengawal atau mengurangkan daripada berlakunya banjir di beberapa kawasan tertentu, jelas Pg Alihassan.

Pg Alihassan berkata, Kerajaan membuat beberapa buah perigi dengan pamnya sekali (manual) di beberapa buah kampung yang belum mempunyai bekalan air paip, serta membekalkan [illegible] tangki air [illegible] kepada penduduk-[illegible] yang tinggal di [illegible]

Seterusnya [illegible] beberapa buah [illegible] dibina untuk [illegible] sungai-sungai [illegible] berhubungkan [illegible] kecil di antara [illegible] pung dengan kampung [illegible] lain.

Bagi kemudahan [illegible] guna-pengguna [illegible] motorsangkut, [illegible] beberapa buah [illegible] dibina bagi [illegible] orang-orang kampung [illegible] di setengah-tengah [illegible] pedalaman sungai [illegible] merupakan alat [illegible] yang terpenting.

Pg Alihassan [illegible] menyatakan [illegible] kemudahan yang [illegible] oleh Kerajaan [illegible] Yang Maha Mulia [illegible] penduduk-penduduk [illegible] bandar dan [illegible] pedalaman adalah [illegible] mata untuk kebajikan [illegible] kepentingan rakyat serta [illegible] duduk di negara ini.

PESERTA taklimat juga mengadakan lawatan ke JHEU di mana mereka telah mendengar penerangan oleh pegawai-pegawai di jabatan berkenaan (gambar atas). Gambar kanan — Pengerusi Badan Kebajikan Mualaf Daerah Belait, Awang Haji Zolkeflee bin Abdullah bagi pihak badan kebajikan tersebut telah menyampaikan derma untuk anak-anak yatim yang berupa wang berjumlah $290.00 kepada Pengarah Penerangan, manakala gambar kanan sekali Penolong Pegawai Daerah Belait, Pengiran Alihassan bin DSLJ Pengiran Haji Abas sedang menghuraikan mengenai projek-projek pembangunan yang sedang dilaksanakan di daerah Belait.





### Perjumpaan penerangan

MINGGU lalu satu [illegible] penerangan juga [illegible] bagi penduduk-penduduk [illegible] Pudak dan sekitarnya [illegible] berlangsung di Sekolah [illegible] Pudak.

Selain dari mendengar [illegible] dari Pengarah Penerangan, [illegible] peserta juga diberi [illegible] mengemukakan [illegible] seorang peserta [illegible] menanyakan sesuatu [illegible] berhubung dengan [illegible] (gambar bawah).

Gambar bawah kiri — [illegible] Penerangan sedang [illegible] penjelasan mengenai [illegible] dikemukakan.





# MENTERI LUAR THAI LAWAT SYARIKAT MINYAK SHELL

MENTERI Hal Ehwal Luar Thai dan rombongan, Tuan Yang Terutama Ketua Marsyal Udara Siddhi Savetsila yang telah mengadakan lawatan rasmi selama empat hari ke negara ini baru-baru ini, telah sempat mengadakan kunjungan ke Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad di Seria.

Sebelum itu rombongan tersebut telah melawat pameran minyak dan gas di Muzium Brunei, di Kota Batu. Mereka telah diberikan satu taklimat oleh Pengurus Hal Ehwal Awam, Awang Sandy Livingstone, berhubung dengan perkembangan perusahaan minyak dan industri gas di negara ini.

Ikut serta menyertai rombongan beliau ialah Konsul Agung Thai di Brunei, Awang Prida Apirat dan perwakilan-perwakilan perdagangan, usahawan-usahawan industri dan persatuan-persatuan bank dari negara tersebut.



Kelihatan Tuan Yang Terutama sedang dialu-alukan oleh Pengurus Hal Ehwal Awam Syarikat Minyak Shell (kanan).

## Kerja mencat lancar

SEMENJAK bulan Ogos tahun ini, Kapal-kapal 'Todak' dan 'Thunderhead' telah membuat kerja-kerja menyembur dan mencat pelantar-pelantar penggalian di Ampa dan Champion.

Sehingga kini kapal-kapal tersebut telah menyiapkan kerja di tiga buah pelantar dan di dalam berbagai-bagai peringkat kerja bagi dua lagi.

Kedua-dua buah kapal itu sedang bertugas dengan baik dan sehingga ini telah melapis lebih dari 20,000 ela persegi bagi kerja keluli.

Pada bulan depan, Thunderhead akan meninggalkan negara ini dan ianya akan digantikan dengan 'Tegar' iaitu sebuah kapal yang dibuat khas untuk kontrak tersebut. Tugas utama kapal itu nanti ialah mendirikan peranca keluli tiub sebelum kapal Todak bergerak ke satu tempat untuk menyembur dan mencat.

Dalam bulan depan juga sebuah lagi kapal akan tiba, 'Merdeka Satu' yang akan menjalankan kerja-kerja menyembur dan menapis struktur-struktur kecil luar pantai.

## Jawatankuasa tadbir Ikhwanul muslimin

JAWATANKUASA Sementara Persatuan Ikhwanul Muslimin Daerah Belait telah mengadakan mesyuarat baru-baru ini di Dewan Masjid Mohammad Jamalul Alam bagi memilih ahli-ahli jawatankuasa tadbir bagi tahun 1983/84.

Ahli-ahli jawatankuasa yang terpilih ialah, Yang Dipertua, Abang Haji Abu Hanifah bin OKPS Diraja Abang Haji Bujang; Naib Yang Dipertua, Imam Haji Zainal bin Idris; Setiausaha Agung, Haji Abdul Wahab bin Abdullah; Bendahari, Awang Jailani bin Mohd Noor; dan Penolong Bendahari, Awang Hamidon bin Omar.




# JAMBATAN MP-E AKAN DIGANTI

SYARIKAT Minyak Shell Brunei telah memutuskan untuk menggantikan jambatan MP-E dengan saluran paip yang diikat di atas dasar laut.

Langkah tersebut adalah memandangkan yang MP-E yang kini telah berusia 28 tahun itu sudah tidak selamat lagi untuk digunakan.

Pelantar dan jambatan MP-E telah dipasang dalam tahun 1955 dan adalah merupakan sesuatu yang paling lama wujud di antara struktur-struktur minyak luar pantai yang ada sekarang di Brunei. Keduanya telah melebihi had waktu bagi rekabentuknya yang cuma dianggarkan untuk selama 25 tahun.

Dari pemeriksaan-pemeriksaan yang diadakan baru-baru ini oleh jurutera-jurutera EDE, mereka telah menentukan bahawa pelantar MP-E itu masih secara relatifnya selamat, struktur jambatan ini bertambah buruk dengan cepatnya oleh karat terutama dalam masa lapan belas bulan yang lalu.

Jambatan itu tidak lagi selamat untuk pejalan-pejalan kaki dan difikirkan tidak ekonomi untuk diperbaiki.

Kebanyakan dari anggota pengikat jambatan itu mempunyai lubang-lubang karat yang besar dan bulan lepas satu pemeriksaan mendapati bahawa kebanyakan kaki-kaki jekat menahan jambatan juga sama turut berkarat.

Bagi mengelakkan bahaya, laluan pejalan kaki ke jambatan itu telah disekat dengan dua pintu pagar yang berkunci (gambar kiri).

Pembaikan-pembaikan sementara ke atas kaki-kaki penahan jambatan yang terlalu berkarat sedang diteruskan untuk membolehkan jambatan itu dapat menahan musim landas.



## Kelab Melayu Shell lawat RTB

SEROMBONGAN 26 orang ahli-ahli Kelab Melayu Shell serta isteri masing-masing telah mengadakan lawatan singkat ke Radio Televisyen Brunei di sini baru-baru ini.

Semasa mengadakan lawatan tersebut mereka telah diberi penerangan oleh Penolong Pengarah Jabatan RTB, Pg Asmalee bin Pg Ahmad dan kemudiannya mereka dibawa melawat ke beberapa bahagian kompleks itu.

Setelah itu rombongan tersebut melanjutkan lawatan mereka ke Stadium Negara Hassanal Bolkiah yang terletak di Kampung Pulaie. Mereka menjadi tetamu kepada pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan.

**ROMBONGAN kelab Melayu Shell bergambar ramai berserta dengan pegawai-pegawai RTB setelah mengadakan lawatan tersebut.**



## Kursus asas keselamatan

SERAMAI lapan orang pekerja-pekerja luar pantai yang baru telah mengikuti satu kursus asas keselamatan bertempat di Pejabat OSA baru-baru ini (gambar bawah).

Kursus tersebut merupakan satu latihan yang mesti diikuti oleh mereka yang terlibat di dalam operasi luar pantai. Kursus itu meliputi penerangan-penerangan di berbagai aspek seperti polisi keselamatan BSP, sistem permit, cara mengelakkan kemalangan dan menentang kebakaran.

Dalam kursus tersebut mereka juga diberi latihan dan tunjukajar cara-cara menggunakan alat-alat penyelamat jiwa seandainya berlaku sesuatu kemalangan yang memerlukan rawatan segera.



# T-JAWAB SEMUA AHLI MENGHADIRI MESYUARAT AGUNG

KAMPUNG BOKOK. – Ahli-ahli Syarikat Kerjasama Kampung Bokok telah dinasihatkan oleh Pesuruhjaya Kemajuan Kerjasama Awang Mahmud bin Haji Bakyr untuk sama-sama menghadirkan diri pada bila-bila masa Mesyuarat Agung diadakan.

"Mesyuarat Agung Tahunan adalah diperlukan oleh undang-undang supaya diadakan tidak lewat empat bulan selepas berakhir tahun kewangan syarikat. Dan adalah tanggungjawab setiap ahli untuk menghadirinya bagi membolehkan apa jua masalah syarikat dirundingkan bersama-sama."

Mesyuarat Agung Kali ke-6 yang diadakan di rumah Awang Haji Osman bin Nayan, Ketua Kampung Bokok itu telah dihadiri oleh 9 daripada 24 orang ahli, dan pada tahun lalu keadaannya adalah hampir serupa.

"Walaupun dari segi undang-undang membolehkan Mesyuarat Agung diadakan kerana cukup koram tetapi adalah lebih baik lagi jika majoriti ahli dapat hadir untuk sama-sama membincangkan masalah syarikat. Dengan itu, tercapailah salah satu tujuan syarikat kerjasama iaitu syarikat dikendalikan atas persetujuan bersama," demikian penjelasan Pesuruhjaya.

Terdahulu dari itu Awang Haji Osman bin Nayan selaku Pengerusi Syarikat juga telah berucap yang antara lain beliau kurang senang atas sikap sebilangan ahli yang "tahu menyalahkan orang lain tetapi tidak tahu membetulkannya."

"Bercakap hendaklah pada tempatnya, dan mengenai hal-hal syarikat tempatnya adalah dalam Mesyuarat Agung bukannya di kedai-kedai kopi," jelas beliau.

Pada tahun kewangannya berakhir 28 Februari, 1983 Syarikat Kerjasama Kampung Bokok telah memperolehi untung bersih $2,572.90 iaitu hampir sama dengan tahun lalu.

Pesuruhjaya menasihatkan ahli-ahli Jawatankuasa yang baru dilantik supaya memperbaiki peragaan (display) barang di kedai supaya menarik minta pelanggan-pelanggan.



SERAMAI 21 orang pengendali makanan di Daerah Brunei-Muara yang telah menamatkan kursus yang dianjurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan dengan kerjasama Jabatan Pelajaran, telah menerima sijil mereka dalam satu majlis yang diadakan di Dewan Kuliah Peringatan Churchill.

Sijil-sijil tersebut telah disampaikan oleh Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr Awang Haji Johar bin Dato Paduka Haji Nordin. Gambar atas kelihatan Pg. Haji Othman bin Pengiran Anak Hashim menerima sijil di majlis tersebut.

## Jadual lawatan doktor udara

JABATAN Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan akan meneruskan lawatan ke kawasan-kawasan pedalaman pada tarikh dan tempat berikut :

| TARIKH | HARI | TEMPAT |
|---|---|---|
| 5.12.83 | Isnin | Kg. Lopat, Ulu Temburong. |
| 6.12.83 | Selasa | Kg. Biang Menengah dan Kg. Lamaling, Ulu Temburong. |
| 7.12.83 | Rabu | Kg. Ukong, Ulu Tutong. |
| 12.12.83 | Isnin | Kg. Sukang, Ulu Belait. |
| 13.12.83 | Selasa | Kg. Belabau, Ulu Tutong. |
| 14.12.83 | Rabu | Kg. Melilas, Ulu Belait. |
| 19.12.83 | Isnin | Kg. Supon Besar, Ulu Tutong. |
| 20.12.83 | Selasa | Kg. Long Mayan dan Kg. Supon Kecil, Ulu Tutong. |
| 21.12.83 | Rabu | Kg. Bukit, Ulu Tutong. |
| 27.12.83 | Selasa | Kg. Teraja dan Kg. Apak-Apak, Ulu Belait. |
| 28.12.83 | Rabu | Kg. Buau, Ulu Belait. |

Penerbangan tambahan doktor udara akan diadakan ke Kg. Merangking, Ulu Belait pada bulan ini jika sekiranya keadaan jalan raya tidak dapat dilalui oleh kenderaan disebabkan banjir. Kalau banjir berlaku maka tarikh lawatan akan ditetapkan lebih awal dari itu.

## Angka tu... harga nai...

BANDAR SERI BE... – Angka ... Barang-barang ... bagi bulan ... 139.3 mata ... meningkat ... peratus dan ... bagi bulan Sep... Angka ... adalah juga ... sebanyak 0.3 ... angka ... Oktober 198...

Kenaikan ... disebabkan ... barang-barang ... meningkat naik ... peratus. Angka ... kumpulan-kumpulan ... adalah masih ... berubah.

Kecuali ikan ... sahaja yang ... murah sedikit, ... basah yang lain ... mahal dan ini ... kenaikan ... peratus bagi ... kumpulan ikan. Harga ... sayuran dan ... yang dihasilkan ... sayuran telah ... dan dalam bulan Oktober ... meningkat ... peratus. Harga ... lebih mahal ... menyebabkan kenaikan ...

## Suntikan tidak diperlukan

BARU-BARU ini Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan Brunei telah mengeluarkan kenyataan bahawa bermula dari tahun 1984, suntikan bagi mencegah Penyakit Kolera bagi penumpang-penumpang yang tiba di negara ini adalah tidak diperlukan lagi.

Walaupun ... penumpang-penumpang ... tiba dari negeri-negeri ... ada terdapat wabak ... Kuning (Yellow Fever) ... mestilah mempunyai ... surat suntikan bagi ... penyakit tersebut.

# Ketetapan harga barang keperluan harian

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang didapati dijual dengan harga yang lebih sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga-harga barang yang berikut di bawah ini bermula dari 23 November, 1983.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. SAYUR KINCAM: $5.50 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:–
   1. Heng Loong, No. 31, Jalan Sultan.
2. JINTAN MANIS: $3.20 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:–
   1. A.Muthian, No. 6, Jalan McArthur.
3. KACANG KUDA: $1.10 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:–
   1. Syarikat Haji Abdul Rahman, No. 94, Jalan Pemanca.

**KUALA BELAIT**

1. SAYUR KINCAM: $6.40 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:–
   1. Yick Yuen, No. 3, Jalan Pretty.
2. JINTAN MANIS: $4.00 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:–
   1. Syarikat M. Haji No. D2, Chinese Chamber of Commerce.
3. KACANG KUDA: $1.50 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:–
   1. Choo Seng, No. 20 Jalan Pretty.
   2. Guan Heng, No. 30, Jalan Sungai.
   3. Ng Ming Hong, No. 101, Jalan McKerron.

**SERIA**

1. SAYUR KINCAM: $4.80 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:–
   1. Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
   2. Chop Koh Seng Hang, No. 17, Jalan Sultan Omar Ali.
   3. Soon Kheng, No. 50B Jalan Bunga Kuning.
2. JINTAN MANIS: $4.80 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:–
   1. Haji C.A. Mohammad & Son, No. 51 Jalan Bunga Kuning.
3. KACANG KUDA: $1.60 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:–
   1. Hui Guan, No. 48B, Jalan Bunga Kuning.
   2. Yick Fatt Lot No. 2660 Jalan Sultan Omar Ali.
   3. Haji C.A. Mohammad & Son, No. 51 Jalan Bunga Kuning.

# Soal Jawab Sistem Ejaan Baru Siri Ke-7

Disusun oleh: Kamisah Haji Rahmat
Pegawai Bahasa
Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Soalan 8 : Angka ganda 2 tidak digunakan lagi dalam ejaan baru. Ini menyebabkan sistem ini tidak ekonomi dan melambatkan penulisan.

Jawapan : Sebab-sebab angka ganda dua tidak digunakan lagi dalam ejaan baru:

i) Ia mengelirukan dalam penulisan.

Contoh – a) buahan2 (mungkin dibaca buahan dua)
buah2an (mungkin dibaca buah dua an)

b) beramai2 (mungkin dibaca beramai dua)
beramai2 (mungkin dibaca beramai beramai)

ii) Angka ganda dua (nombor 2) yang bukan lambang huruf tidak sesuai dicampurkan dalam penulisan yang bukan untuk menunjukkan angka, seperti kali ke-2, tahun ke-2, dsb. Peraturan yang bersistem ini iaitu sistem huruf adalah sistem yang tidak menggunakan angka ganda dua, tanda topi dsb. Oleh itu, sebagai satu sistem huruf, ia mengatasi segala peraturan sistem lain.

Sistem ejaan baru masih ekonomi walaupun angka ganda dua tidak digunakan, sebab:

i) Tidak mengelirukan ketika membaca. Oleh itu ia menjimatkan masa membaca dan memahami sesuatu yang dibaca dengan cepat.

ii) Jika ditolak campur(sistem ejaan baru) secara keseluruhan, sistem ini masih banyak ekonominya dari segi pemakaian perkataan.

**Latihan 3**

Planet ada-lah lembaga yang amat besar, yang bentok-nya hampir bulat saperti bumi, yang mengelilingi matahari dalam lingkaran yang bulat. Arah gerak mengelilingi matahari ada-lah sama untok semua planet. Ada sembilan planet yang besar ia-itu Utarid, Zuhrah, Bumi, Marikh, Mushtari, ... Uranus, Neptun dan Pluto, dan kira-kira 100,000 ... kechil. Kebanyakan daripada planet kecil ini ... lingkaran Marikh dan Mushtari. Yang paling ... antara planet2 kechil ini ada-lah Ceres, Pallas dan Vesta ... dapat di-lihat dengan mata kasar.

Jarak antara satu planet dengan bumi atau ... ukor dengan yunit astronomi. Satu yunit astronomi ... dengan jarak antara bumi dengan matahari ... batu.

(Jawapannya akan disiarkan pada keluaran minggu ...

**RALAT**

**Pelita Brunei, 19 Oktober 83 m.s. 3 & 10**

Soalan 1 : Pelajaran 3 yang telah disiarkan dalam ... Brunei bertarikh 13 Julai 1983 ... mengenai rajah Sistem Keselarasan ... Vokal, nampaknya adalah satu cara yang ... mudah untuk mengingat keselarasan ... vokal itu.

**Sepatutnya:**

Soalan 1 : Pelajaran 3 yang telah disiarkan dalam ... Brunei bertarikh 13 Julai 1983 ... mengenai rajah Sistem Keselarasan ... Vokal, nampaknya adakah satu cara yang ... mudah untuk mengingat keselarasan ... vokal itu.

**Pelita Brunei, 2 November 83 m.s. 3**

Contoh : 'pamer' dikecualikan atas sebab sebutan ...
'lancung' – maknanya berbeza dengan ...
cung'
lancong = lawat, bersiar-siar
lancong = tipu, palsu.

**Sepatutnya :**

'pamer' dikecualikan atas sebab sebutan ...
'lancong' – maknanya berbeza dengan ...
cung'
lancong = lawat, bersiar-siar
lancung = tipu, palsu.

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 30 NOVEMBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 GIGGLESNORT HOTEL
5.30 SPIDERWOMAN
6.00 BERITA AWAL
6.05 DIFFERENT STROKES
6.10 AZAN MAGHRIB
6.20 DIFFERENT STROKES — sambungan
6.30 321 CONTACT

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 REMINGTON STEELE : "Signed. Steeled and Delivered"
Seorang ejen CIA yang menjadi sasaran pembunuhan minta bantuan Remington dan Laura!
7.25 AZAN ISYAK
7.30 REMINGTON STEELE — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 PRIVATE BENJAMIN : "Astro-Chimp".
9.35 MAGNUM : "Basket Case"
10.25 TAYANGAN GAMBAR : "Journey Into Midnight"
Cerita dua bahagian. Pertama kisah seorang pelukis ketika menghadiri satu Parti berpakaian kostum (costume dress) yang telah di bawa balik ke zaman silam. Kedua, seorang oportunis mencuba menyaingkan diri dengan seorang janda kaya tetapi tidak memahami dunia sihirnya. Pelakon-pelakon : Chad Everett, Julie Harris, Edward Fox, Tom Adams, dan lain-lain.
12.05 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 1 DISEMBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 KIMBA THE WHITE LION : "The Trapper"
6.12 AZAN MAGHRIB
6.22 KIMBA THE WHITE LION — sambungan
6.30 WORLD OUTDOORS : "Parks and People"

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 VOYAGERS : "The Voyagers of the Titanic."
Dalam episod kali ini Jeff dan Bogg memainkan dua peranan menyelamat — ketika berada di kapal Titanic dan di makmal Louis Pasteur.
7.26 AZAN ISYAK
7.31 VOYAGERS — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 HIDAYAT
9.05 DUNIA MINGGU INI
9.35 TIMELESS LAND : "Double Standards"
Conor mendapati Mannion seorang suami yang degil dan bengis kepada orang-orang salah dalam tanggungannya. Apabila trajidi melanda, Conor mengalih kesunyiannya kepada persahabatannya dengan Mark Harvey, Setiausaha Mannion. Keazaman Johnny untuk membalas dendam perbuatan Mannion kepada Ellen membawa kepada kesusahan.
10.35 CHICO AND THE MAN : "Champs Ain't Chumps"
11.05 MCLAIN'S LAW : "From The Mouth of Babes"
11.55 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT 2 DISEMBER

**TENGAH HARI**

12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.13 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN BANDAR SERI BEGAWAN

**PETANG**

1.25 ABC WIDE WORLD OF SPORTS
2.15 SPYFORCE
3.00 THE INVINCIBLE IRON MAN
3.30 JOANIE LOVES CHACHI
3.34 AZAN ASAR
3.37 JOANIE LOVES CHACHI
4.00 TALES OF MAGIC
4.25 WORLD COMMUNICATION YEAR : "Kuwait And The World Via Sattelite" (Episod terakhir)
4.55 THE ELECTRIC COMPANY
5.10 MANAGEMENT (Ulangan)
5.40 LAVERNE AND SHIRLEY WITH THE FONZ
6.00 BERITA AWAL
6.05 YOU ASKED FOR IT
6.12 AZAN MAGHRIB
6.22 YOU ASKED FOR IT — sambungan
6.30 ON SAFARI

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE YOUNG LAWYERS : "Busload of Bishops"
Aaron Silverman merasa curiga apabila seorang penuntut dan bintang pemain bola keranjang sekolahnya dituduh menceroboh dan kemudian dalihnya telah diberikan oleh pelatihnya.
7.26 AZAN ISYAK
7.31 THE YOUNG LAWYERS — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 DRAMA : "Kebajikan Di Mana-Mana" Bhg. 2.
9.35 KNOTS LANDING : "Landing And Teddy Makes 3"
10.35 THE BEST OF MIDNIGHT SPECIAL
11.15 SUGAR RAY LEONARD'S GOLDEN GLOVES.
12.10 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 3 DISEMBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FILLER
5.15 THUNDARR THE BARBARIAN : "Portal Into Time"
5.40 JUST KIDDING
6.00 BERITA AWAL
6.05 JUST KIDDING — sambungan
6.12 AZAN MAGHRIB
6.22 KUIZ KESELAMATAN JALAN RAYA 1983 PERINGKAT SEPARUH AKHIR (Temburong)

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 JOHN DENVER AND THE LADIES
7.26 AZAN ISYAK
7.31 JOHN DENVER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.00 MERLION CUP SOCCER : Brunei Lwn Korea Selatan
10.45 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA : "Ira Maya Si Anak Tiri"
12.15 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 4 DISEMBER

**PETANG**

2.00 PEMBUKAAN
2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
2.13 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 FANGFACE : "The Goofy Gargoyle Goof-Up"
2.45 ARCHIE BUNKER'S PLACE
3.15 BIG LEAGUE SOCCER
3.34 AZAN ASAR
3.37 BIG LEAGUE SOCCER — sambungan
4.00 SMURF
4.30 COMPUTER PROGRAMME : "Things To Come" (Episod terakhir)
5.00 SEVEN BRIDES FOR SEVEN BROTHERS : "Promised Land"
Seorang peladang muda cabut lari untuk menyelamatkan nyawanya setelah menyaksikan suaminya dibunuh oleh beberapa orang penyeludup. McFaddens memberinya perlindungan dari pengganas-pengganas yang hendak membunuhnya.
5.45 SPIDERMAN
6.00 BERITA AWAL
6.05 SPIDERMAN — sambungan
6.12 AZAN MAGHRIB
6.22 SPIDERMAN — sambungan
6.30 ALICE : "Who Killed Bugs Bunny?"
Tommy dan ibunya bertelingkah buat pertama kali.

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SIMON AND SIMON : "Murder Between The Lines"
Rockwell Stark, seorang penulis misteri, mengupah A. J. dan Rick Simon untuk menyiasat seorang yang dia percaya akan membunuhnya mengikut cara seperti tulisan dalam bukunya.
7.26 AZAN ISYAK
7.31 SIMON AND SIMON : — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 SALAM MESRA : "The Unwanted"
9.20 FORUM
10.20 TEACHERS ONLY
10.50 CASABLANCA : "The Cashier And The Belly Dancer"
11.35 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 5 DISEMBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 POSTMAN PAT : "Pat's Rainy Day"
5.15 PANDAMONIUM : "Chesty's Story"
5.40 CHALLENGE OF THE SUPER-FRIENDS : "The Time Trap"
6.00 BERITA AWAL
6.05 NEPTUNE JOURNALS : "Man Against The Sea" Bhg. 2.
6.12 AZAN MAGHRIB
6.22 NEPTUNE JOURNALS — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TRAPPER JOHN M.D. : "The Good Life"
7.26 AZAN ISYAK
7.31 TRAPPER JOHN M.D. — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.00 MERLION CUP SOCCER : "Brunei Lwn Indonesia"
9.05 ALL STAR WRESTLING
10.45 THE WINDS OF WAR
11.35 BARE ESSENCE Bhg. 4
12.25 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA 6 DISEMBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 PACMAN (Episod terakhir)
5.30 THE GARY COLEMAN SHOW
6.00 BERITA AWAL
6.05 BID FOR POWER : "What's The Verdict?"
6.13 AZAN MAGHRIB
6.23 BID FOR POWER : (sambungan)
6.25 DANCES OF THE WORLD
6.35 CAMP WILDNERNESS : "Desert Trek" Bhg. 2.

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE FALL GUY : "Eight Balls"
7.28 AZAN ISYAK
7.33 THE FALL GUY — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH HIJRAH
8.45 BERZANJI
8.50 ARENA SUKAN
9.50 DYNASTY : "Fathers and Sons"
10.40 TAYANGAN GAMBAR : "Killjoy"
Tiada siapa pun yang ingin dipanggil "killjoy". Tetapi, siapa sahaja yang bertanggungjawab menghentikan keiskian seseorang atau sekumpulan orang boleh dipanggil demikian. Kisah dalam tayangan gambar ini berkisar dalam situasi seperti ini. Pelakon-pelakon : Robert Culp, Nancy Merchand, John Robinstein, Stephen Macht, Kim Bissinger, dan lain-lain.
12.40 SIARAN TAMAT.

---

# RANCANGAN TVP

## Dari 5 Disember hingga 10 Disember 1983

### ISNIN — 5 DISEMBER

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 1015.
Rancangan hari ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti NAIK KUDA, LIHAT DAN PERHATI, MINUM, LUKISAN DARI RUMAH, MENGATUR GAMBAR, HALAMAN BELAJAR dan CERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 1013.

### SELASA — 6 DISEMBER

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 1014.
Dalam rancangan kali ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti MAIN BAKUL, KERJA TANGAN, MINUM, SI MANIS, IKUT KETUA dan CERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 1014.

### RABU — 7 DISEMBER

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 1015.
Rancangan hari ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti BOLA TUMBUK, TUNJUK BENDA, MINUM, AMIN, BELON SI MANIS, YANG MANA GANJIL dan CERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 1015.

### KHAMIS — 8 DISEMBER

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 1016.
Dalam rancangan kali ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti IKUT KETUA, PAPAN HIKMAT, MINUM, PETI SURAT, BERSENAM, MENYANYI dan CERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 1016.

### SABTU — 10 DISEMBER

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 1017.
Rancangan kali ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti MAIN KERUSI, BOLA TUMBUK, MINUM, PAK LONG, MAIN BANG, MENYANYI dan CERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 1017.

RTB **Intisari minggu ini**

## SANDIWARA RADIO:

# KEMBALI JUA AKHIRNYA

MENDAPAT giliran untuk mengisikan ruangan Sandiwara Radio Minggu Ini ialah penulis Mayu, Labuan Sabah, dengan tulisannya yang bertajuk KEMBALI JUA AKHIRNYA.

Di awal cerita, penulis mempaparkan tentang kebahagiaan rumahtangga pasangan suami isteri Sahlan dan Marni berserta anak mereka Ani. Bagaimanapun, kebahagiaan itu ada batasannya, dan tanpa disedari ada orang yang sanggup melihat keadaan mereka yang aman itu menjadi porak-peranda.

Orang yang menjadi batu penghalang dalam rumahtangga mereka ialah Rahman, siapa yang dalam diam-diam menaruh perasaan cinta terhadap Marni walaupun ia sudah menjadi isteri orang.

Untuk mencapai kehendaknya itu, Rahman mengambil keputusan untuk mengupah Tok Bomoh supaya melakukan sesuatu yang boleh menghayalkan Marni dan lupa pada dirinya sendiri dan melupakan suami serta keseluruhan rumahtangganya. Oleh kerana didorong oleh perasaan tamak setelah ditawarkan upah yang besar, Tok Bomoh pun bersedia melakukan apa yang dikehendaki oleh Rahman.

Setelah kerja terkutuk itu dilakukan, Marni dan keluarganya terus menjadi mangsa. Dalam keadaannya yang tidak menyedari apa yang sebenarnya berlaku, Marni tanpa soal jawab terus menerima tawaran Rahman untuk tinggal bersamanya seperti pasangan suami isteri.

Sementara itu, suami dan anak Marni pula sentiasa mengharapkan kepulangan Marni ke rumah mereka. Walaupun sudah ditinggalkan selama setahun, Sahlan tetap tidak berputus asa menanti kedatangan Marni. Keadaan menjadi berubah bila dengan tiba-tiba Tok Bomoh mati akibat terlibat dalam satu kemalangan jalan raya.

Bagaimana keadaan mereka setelah kematian Tok Bomoh? Mungkinkah Marni akan menyedari hakikat sebenar yang ia telah dianiaya? Bagaimanakah pula dengan pendirian Sahlan terhadap isterinya? Untuk penjelasan seterusnya, para pendengar adalah dijemput untuk mengikuti siarannya pada 4 Disember, 1983 jam 10.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Zainab Haji Mohd. Taha.



AKSI cepat dari siri rancangan McCLAIN'S LAW. Dapat ditonton siarannya tiap-tiap hari Khamis jam 11.05 malam.

## RADIO MINGGU INI: TAJUK DAN NAMA

BERBICARA tentang nama, teringat kita akan sebuah ungkapan dari William Shakespeare 'What is in the name?' (Apa ada pada nama?).

Maksud Shakespeare di sini ialah nama orang. Kadangkala ada kebenarannya ..... nama itu tidak perlu lagi. Buat apa kita megah untuk dipanggil dengan nama Muhammad, Abu Bakar atau Omar, kalau tabiat orang itu seperti syaitan..... tidak boleh tawakkal dan tabah seperti Nabi Muhammad, Sayidina Abu Bakar atau Sayidina Omar. Tapi dalam sebuah karangan; baik untuk essei, cerpen, sandiwara radio mahupun novel, nama dan tajuk perlu. Kerana dari tajuk kita dapat tahu apa yang hendak disampaikan oleh pengarang. Tidak kurang pula peranan tajuk cerita itu untuk memancing minat pembaca untuk terus memamah cerita itu.

Kadangkala pula dari tajuk itu mengandung rahsia untuk tema cerita itu, dan kadangkala ia jadi kunci penutup cerita itu. Demikian besarnya pengaruh tajuk untuk sesebuah cerita. Dan kerana begitu pentingnya dari tajuk ... ... orang boleh menilai kematangan olahan atau kedewasaan teknik seorang pengarang.

Untuk sebuah karangan baik dan bermutu, bukan ertinya kita menghendaki sebuah tajuk yang berbatu-batu panjangnya. Kadangkala cukup dengan sebuah kalimat, dua atau tiga kalimat saja. Kadangkala baik pertama serangkap pantun boleh menarik perhatian pula, untuk misalan tajuk novel Salmi Manja... ... 'Dari Mana Punai Melayang' dan 'Hari Mana Bulan Mana'.

Tajuk yang mengandungi unsur rima (rhyme) yang sama juga boleh menarik minat untuk dibaca seperti tajuk yang mengandungi perulangan seperti tajuk 'Perempuan .... Begitulah Rasmi Perempuan'.

Kemudian tentang nama pelaku pula harus disesuaikan dengan watak pelaku tadi. Dalam novel GELORA (karangan Arenawati) untuk nama pelaku utama dalam cerita itu sengaja dipanggil Amir (yang berérti pemimpin) yang disesuaikan dengan watak keperwiraan dan keberanian watak utama itu sendiri.

Dua tentunya agak menggelikan kalau nama-nama Muhammad, Abu Bakar atau Amir umpamanya dilukiskan dengan watak dan keperibadian yang lemah; yang cuma sanggup membisikkan kalimat; 'I love you/You tak sayangkan I lagi' di depan pelaku-pelaku wanita saja. Dan lebih menggelikan kalau nama-nama pelakunya saja yang manis-manis dan indah-indah belaka, tapi perutusannya tidak ada atau kurang penting.

Pendek kata dalam soal memilih tajuk untuk sesebuah cerita, harus mewakili keseluruhan isi cerita. Tajuk itu tidak semestinya memburu sensasi murah yang menjolok, tidak juga terlalu menunjuk-nunjuk. Kita tetap berkehendakkan sebuah tajuk yang sederhana yang dapat menangkap minat dan mewakili isi cerita. Untuk nama pelaku pula haruslah ditimbang semasak-masaknya, kerana dari nama itu saja dapat menunjukkan apa watak yang hendak ditimbulkan melalui nama itu.

Untuk memberikan sedikit gambaran pelbagai cara memilih tajuk ini kami perturunkan beberapa contoh. Tajuk-tajuk ini kami petik dari sebahagian karangan yang kami terima beberapa tahun yang lalu.

Dari peminat kami semacam satu kegemaran memilih tajuk karangan yang panjang-panjang, misalnya: BERCERAI KASIH TALAK TIADA, SERIBU TAHUN KEMBALI JUA; kemudian seorang penulis lain menghantar tajuk cerpen seperti Balasan Budi. Bagi kami tajuk ini seolah-olah untuk cerita kanak-kanak. Dan berbagai-bagai tajuk lagi. Kesimpulannya, tajuk dan nama pelaku adalah penting bagi sesebuah cerita dan karangan sama ada sandiwara, cerpen dan sebagainya.




UNTUK adik-adik peminat THE CHALLENGE OF THE SUPERFRIENDS — tiap-tiap hari Isnin jam 5.40 petang.

## Bintang Kecil '84 Daerah Belait

ENAM orang peserta telah berjaya masuk ke peringkat separuh akhir se-Negara yang akan diadakan di Bandar Seri Begawan awal bulan Januari tahun depan. Mereka ialah :—

Dayang Surayah bte Taim
Dayang Sazalina bte Md. Ariff
Dayang Maskiah bte Omar
Awang Jailani bin Abdullah
Dayang Norlela bte Mejenis
Dayang Norzelawati bte Mejenis

Mereka terpilih dari 12 orang peserta yang bertanding dalam peringkat akhir daerah pada hari Ahad 20 November yang lalu.

SUKAN PELITA Kelolaan: Manaf Rahman

## Kejohanan Piala Merlion

# BERGANTUNG KEPADA KEGIGIHAN

PERJALANAN pasukan negara untuk melangkah lebih jauh di kejohanan Piala Merlion ini mungkin banyak bergantung kepada kegigihan dan semangat berkobar untuk menang.

Brunei disampingi oleh Singapura, Indonesia dan Korea Selatan yang menghantar Skuad Olimpik '88.

Mungkin pasukan negara pernah bertemu dan bersua muka dengan Singapura dan Indonesia tapi dari segi pendedahan dan persediaan keduanya lebih jauh hebat dari pasukan negara.

Difahamkan skuad Indonesia telah menjalani latihan intensif. Menurut sumber yang dipercayai, republik itu akan menghantar pasukan yang dipilih dari empat kelab teratas dalam kejohanan antara wilayah Indonesia.

Sumber itu menambah yang pemain pilihan ini lebih mempunyai semangat berjuang dari pasukan yang dihantar mewakili kelayakan Pra-Olimpik dan Sukan SEA yang nyata para pemain dari Liga Galatama.

Ini berikutan kegagalan pasukan itu di kelayakan tersebut dan di Sukan SEA di mana kecundang untuk ke separuh akhir di tangan negara Brunei.

"Kami lebih berpihak untuk menghantar pasukan yang mahu berjuang dari yang dianggoti oleh para pemain pilihan Liga Galatama," tegas sumber tersebut.

Skuad Olimpik '88 Korea Selatan tidak perlu dipertikaikan lagi kemantapannya. Prestasi mereka sudah cukup menggerunkan lawan dan pasukan ini menjadi salah sebuah pasukan pilihan.

Singapura juga jangan diketepikan. Meskipun purata adalah muka baru, tapi mereka telah lama bersatu sewaktu menghadapi kelayakan Pra Olimpik.

Di samping itu jurulatihnya, Jita Singh difahamkan telah mengambil pemain lama seperti Lim Tang Boon dan Hashim Hosni bagi menambah kekuatan yang ada.

Apakah pasukan negara akan dapat menandingi lawan sedangkan persiapan kita hanya memakan masa lebih dua minggu?

Tetapi semua pemain begitu tekun dan bergairah bagi menghadapi kejohanan ini. Setiap latihan yang dijalankan kelihatannya bersuasana riang dan sekali sekala mendengar gelak ketawa mereka.

Pengalaman dan semangat tidak mengenal kalah mungkin akan menjadi senjata sulit kita.

Apa pun jua, yang penting pasukan negara harus menebus kekecewaan yang dialami dari kejohanan tahun lepas. Kali ini kita mahu melangkah lebih jauh! Mampukah pasukan negara?

## Kumpulan B bertemu Singapura, Indonesia, K. Selatan

DALAM kejohanan Piala Merlion kali kedua yang akan bermula 3 Disember ini, Brunei telah diletakkan dalam Kumpulan B bersama-sama tuan rumah, Singapura, Indonesia dan Korea Selatan.

Sementara Kumpulan A terdiri dari Australia, China, Thailand dan Arab Saudi.

Ini adalah kali keduanya Brunei akan bersaing dengan Singapura di mana pasukan negara tewas dengan jaringan 7-1. Sementara dengan Korea Selatan juga tewas dengan 4-1.

Jaringan 7-1 di kejohanan Piala Merlion itu adalah kekalahan pasukan negara yang terbesar dengan Singapura. Tiga pertemuan di Piala Malaysia, Brunei telah seri dua kali dan menang sekali.

Pertemuan dengan Skuad Olimpik '88 Korea Selatan mungkin menggerunkan sedikit memandangkan pasukan ini telah membuat persediaan yang lama di samping persediaan yang khusus sewaktu menyertai Piala Dunia Belia tidak lama dulu.

Ketahanan dan kepantasan skuad ini tentu lebih dari pasukan negara termasuk Singapura dan Indonesia.

Apakah ketiganya mampu menandingi pasukan yang mantap dari Korea Selatan ini?



AWANG Haji Idris.......pengalaman memainkan peranan utama.

# Pengalaman mungkin jadi "ramuan"

PENGALAMAN mungkin menjadi 'ramuan' untuk menurunkan kesebelasan utama di kejohanan Piala Merlion.

"Memandangkan kejohanan ini suatu kejohanan besar dan bertaraf antarabangsa para pemain yang berpengalaman adalah sumber utama di samping kesediaan fizikal dan mental," jelas Awang Hj. Idris.

Rata-rata para pemain yang terpilih adalah hampir keseluruhannya telah menimba pengalaman bermain di peringkat antarabangsa. Justeru itu, tentunya beliau tidak menghadapi masalah dalam menurunkan kesebelasan utamanya.

Kekosongan yang ditinggalkan oleh dua pemain utama, Jafari dan Zainuddin telah dapat diambil kira oleh beliau.

Kesemua pelatih skuad Merlion ini telah menunjukkan dedikasi dan ketekunan serta semangat sepanjang sesi latihan. Mungkin yang membezakan adalah taraf kecergasan, dan dalam soal ini dua pemain dihantui oleh kecederaan iaitu Ahmad Hj. Mohin dan Rahman Metarsad.

Dengan kecederaan yang belum pulih sepenuhnya pada keduanya, maka barisan kesebelasan yang akan beraksi nanti dapat dibayangkan sepenuhnya.

Penjaga gol, Ali Hj. Ismail. Pertahanan: Dayem Hj. Ali, Pg. Tajuddin, Shair Bakar dan Yusof Rashid. Tengah: Jaafar Sulong, Shari Timbang, Zulkifli Anis. Penyerang: Majidi Ghani, Rosli Hj. Suhaili dan Pg. Zamani.

Barisan simpanan: Razak Yahya, Ahmad, Rahman Metarsad, Ainin, Ali Leman, Zaini Alias dan Ibrahim Bakar.



SKUAD Piala Merlion berehat sebentar ketika menjalani latihan.



DAYEM......akan bermain di benteng pertahanan.

# Perlawanan akhir gasing sempena keputeraan

PERLAWANAN akhir gasing sempena Hari Keputeraan tahun ini telah berlangsung pada 25 November, Jumaat lepas.

Perlawanan yang sepatutnya diadakan di Pantai Jerudong telah dialih ke Sekolah Melayu Jerudong memandangkan keadaan yang tidak mengizinkan.

Lima acara telah dipertandingan iaitu berpasukan dewasa, berpasukan 15 tahun ke bawah, 50 tahun bergu, terbuka kepada jawatankuasa perlawanan juga bergu dan 12 tahun ke bawah.

Awang Musa bin Haji Tahir, wakil dari pasukan Jerudong/Selayun telah terpilih sebagai Pemain Gasing terbaik keseluruhannya dan terpilih sebagai gasing terbaik telah disandang oleh Awang Musa bin Haji Tudin dari Mulaut Bebatek dengan mengambil masa pusingan selama 35 minit tiga saat.

Bagi acara berpasukan dewasa johan pasukan Pulau Gapor, naib johan Pasukan Mulaut/Bebatek dan ketiga Tanjong Nangka.

Berpasukan 15 tahun ke bawah johan Mulaut/Bebatek, kedua Selayun dan ketiga Tanjung Bunut.

Hadiah kemenangan telah disampaikan oleh Penolong Pegawai Daerah Brunei-Muara, Awang Aliakbar bin Abu Bakar.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SEBAGAI PEMANDU TINGKAT KHAS

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PEMANDU TINGKAT KHAS di Jabatan Penerbangan Awam, Brunei.

**Tanggagaji:** E. 2-3 EB. 4 — $470-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 30 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.
b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu sebagai Pemandu sekurang-kurangnya selama 10 tahun yang mana 5 tahun daripadanya sebagai Pemandu Tingkat I.
c) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu Kelas III dan V yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.
d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup: 26 Disember, 1983.

(E/1855/76)
(Bil: 232/83)

## Sebagai Pemandu Kereta Tingkat II

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PEMANDU KERETA TINGKAT II di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

**Tanggagaji:** F. 3-4 EB. 5— $430-$560 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 40 tahun dan hendaklah tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.
b) Mereka mestilah pemandu-pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu kelas 3 yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu dan boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.
c) Mempunyai lesen memandu Kelas V dan Kelas III adalah merupakan satu kelebihan.
d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

**Tugas-tugas:**

Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift). Calon-calon yang berjaya juga dikehendaki bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di dalam Negara.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup: 26 Disember, 1983.

(E/1054/73)
(Bil: 231/1983).

## Pemandu Motosangkut / Mekanik

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PEMANDU MOTOSANGKUT /MEKANIK di Jabatan Perikanan, Brunei.

**Tanggagaji:** E. 1-2-3 EB. 4 $410-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya selama 3 tahun sebagai pemandu motosangkut.
b) Boleh membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dan mengikuti buku-buku pedoman.
c) Berkebolehan membaiki kerosakan jentera motosangkut sehingga yang bertenaga 85 kuasa kuda dan calon-calon yang ditentukan akan dikehendaki untuk menjalani satu ujian yang akan diselenggarakan oleh Jabatan Laut.
d) Mempunyai penglihatan yang baik dan lulus peperiksaan mata. Pemohon hendaklah boleh berenang tidak kurang 220 ela dengan cara bebas.

**Tugas-tugas:**

Calon calon yang berjaya akan dikehendaki memandu perahu-perahu berjentera dan bertanggungjawab dalam pemeliharaan harian ke atas perahu-perahu dan enjin-enjin tersebut. Calon itu juga akan dikehendaki memperbaiki enjin-enjin dan mestilah bersedia menjalankan tugas di luar waktu-waktu bekerja.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup: 26 Disember, 1983.

(E/246/79)
(Bil: 211/1983).

## JUALAN BARANG-BARANG YANG SUDAH TIDAK BOLEH DIGUNAKAN LAGI SECARA TAWARAN

LOT 86

1. SILA hadapkan tawaran awda bagi mendapatkan barang-barang yang sudah tidak boleh digunakan lagi seperti ditunjukkan di bawah.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihadapkan kepada Pemerintah Pasukan AMDB dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Balai Pengawal, Perkhemahan Berakas tidak lewat pada hari Jumaat 16 Disember 1983 jam 1100 pagi.
3. Tawaran-tawaran yang diterima selepas masa yang ditetapkan itu akan ditolak.
4. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa yang tertutup dan mestilah tidak ada menunjukkan tanda nama pemohon pada sampul tersebut.
5. Semua sampul mestilah dibubuh Lot 86.
6. Barang-barang tersebut bolehlah diperiksa di RSSD Logistik Depot Perkhemahan Bolkiah sehingga hari Khamis 15 Disember 1983 jam 10.00 petang.
7. Semua barang adalah ditawarkan "sebagai berlonggok" dan mestilah dipindahkan oleh penawar-penawar yang berjaya dalam tempoh 14 hari dari pemberitahuan.

| Bil. Siri | Penerangan | Banyak |
|---|---|---|
| 1. | Bateri 12 volt, 24 & 6 volt | 399 |
| 2. | Tayar 750 x 16 | 339 |
| 3. | „ 1200 x 20 | 163 |
| 4. | „ 700 x 14 | 39 |
| 5. | „ 185/175 x 14 | 21 |
| 6. | „ 825 x 20 | 29 |
| 7. | „ 825 x 16 | 28 |
| 8. | „ 825 x 17 | 3 |
| 9. | „ 600 x 16 | 2 |
| 10. | „ 900 x 20 | 17 |
| 11. | „ 875 x 14 | 4 |
| 12. | „ 900 x 16 | 41 |
| 13. | „ 124/11—28 | 4 |
| 14. | „ 900 x 16 serta rim | 1 |
| 15. | „ 205 x 14 | 10 |
| 16. | Tiub Dalam | 228 |

## JUALAN KENDERAAN YANG SUDAH TIDAK DIPAKAI LAGI SECARA TAWARAN

LOT 87

1. TAWARAN akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran di Pejabat Pegawai Kewangan Negara, Tingkat Bawah, Pejabat-Pejabat Kerajaan, Bandar Seri Begawan tidak lewat 12.00 pagi 19 Disember 1983 bagi kenderaan yang sudah tidak dipakai lagi yang disebutkan di bawah ini.
2. Tawaran-tawaran yang diterima selepas masa yang ditetapkan itu akan ditolak.
3. Kenderaan-kenderaan bolelah dilihat di Kawasan RSSD Logistik Depot, Perkhemahan Bolkiah sehingga 16 Disember, 1983 jam 1100 pagi.
4. Tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa dan mestilah tidak ada tanda menunjukkan nama pemohon pada sampul tersebut.
5. Sampul-sampul mestilah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Pejabat Pegawai Kewangan Negara, Tingkat Bawah, Pejabat-Pejabat Kerajaan, Brunei Seri Begawan dan mestilah dibubuh nombor Lot (Lot 87 AMDB) dengan jelas disebelah atas sampul surat.
6. Mana-mana tawaran yang diterima di dalam sampul tidak dialamatkan dengan betul akan ditolak.
7. Kenderaan-kenderaan adalah ditawarkan "sebagai berlonggok" dan mestilah dipindahkan dari tempat yang ada sekarang oleh penawar yang berjaya dalam tempoh 14 hari dari pemberitahuan.
8. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling tinggi atau mana-mana tawaran.

| Bil. Siri | Penerangan | Banyak |
|---|---|---|
| 1. | Bas Besar (tanpa enjin) | 2 |
| 2. | Bas Mini (tanpa enjin) | 2 |
| 3. | Trak 4 ton (tanpa enjin) | 1 |
| 4. | Land Rover FFR | 1 |
| 5. | Land Rover FFR — lengkap dengan enjin | 1 |

## JUALAN BARANG-BARANG YANG SUDAH TIDAK BOLEH DIGUNAKAN LAGI DAN BESI BURUK SECARA TAWARAN

LOT 88

SILA hadapkan tawaran awda bagi mendapatkan barang-barang yang sudah tidak boleh digunakan lagi dan besi buruk.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihadapkan kepada Pemerintah Pasukan AMDB dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Balai Pengawal, Perkhemahan Berakas tidak lewat pada hari Jumaat 16 Disember, 1983 jam 1100 pagi.
3. Tawaran-tawaran yang diterima selepas masa yang ditetapkan itu akan ditolak.
4. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa yang tertutup dan mestilah tidak ada menunjukkan tanda nama pemohon pada sampul tersebut.
5. Semua sampul mestilah dibubuh Lot. 88.
6. Barang-barang tersebut bolehlah diperiksa di RSSD Logistik Depoh Perkhemahan Bolkiah sehingga hari Khamis 15 Disember, 1983 jam 1600 petang.
7. Semua barang adalah ditawarkan "sebagai berlonggok" dan mestilah dipindahkan oleh penawar-penawar yang berjaya dalam tempoh 14 hari dari pemberitahuan.

BRUNEI

MEMPELAWA TAWARAN

TAWARAN-tawaran adalah dipersilakan dari Pemborong-pemborong yang dibenarkan oleh syarikat untuk

1. BILANGAN TAWARAN 001634/OSA KATEGORI RJ1

Membaiki/Mengisi semula alat-alat pemadam api.

Untuk keterangan yang lebih lanjut, sila rujuk ke Papan-papan kenyataan untuk Tawaran B.S.P.

## NOTIS TAWARAN

TAWARAN adalah dipelawa bagi mencetak majalah kanak-kanak, MEKAR dengan menggunakan sistem lithografi untuk Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

1. Penentuan - penentuan (specifications) untuk mencetak majalah ini boleh didapati dari Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
2. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa yang bertutup dan dibubuh perkataan-perkataan "Tawaran Mencetak Majalah Mekar" di Bahagian atas sebelah kiri sampul surat.
3. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di luar pejabat Pegawai Kewangan Negara di tingkat bawah Bangunan Jabatan Setiausaha Kerajaan tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Selasa 20 Disember 1983.
4. Kerajaan tidak terikat kepada mana-mana atau tawaran yang paling rendah.

## RBMR TENDER NOTICES

### TENDER No. 80/1983

SUPPLY OF FIRE EQUIPMENT

1. General Conditions of RBMR Contract for purchase of Goods and Services dated February 1983 are to apply.
2. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the ground floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 1200 noon, on Monday 12th December, 1983.
3. Samples are to be provided where possible. Should samples not be available then brochures or other descriptive literature is to be forwarded to Procurement Section RBMR to arrive not later than the closing date of the tender. Local photographs are not acceptable.
4. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Bolkiah Camp, during normal working hours. (0370 to 1230 and 1330 to 1630 Mondays to Thursdays. 0730 to 1130 Fridays. Saturdays and Sundays closed).
5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER No. 81/1983

SUPPLY OF SHIP SPARES

1. General Conditions of RBMR Contract for purchase of Goods and Services dated February 1983 are apply.
2. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the ground floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 1200 noon, on Monday 12th December, 1983.
3. Samples are to be provided where possible. Should samples not be available the brochures or other descriptive literature is to be fowarded to Procurement Section RBMR to arrive not later than the closing date of the tender. Local photographs are not acceptable.
4. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Bolkiah Camp, during normal working hours. (0370 to 1230 and 1330 to 1630 Mondays to Thursdays. 0730 to 1130 Fridays. Saturdays and Sundays closed).
5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER No. 83/1983

SUPPLY OF COMMUNICATION EQUIPMENT

1. General conditions of RBMR Contract of purchase of Goods and Services dated February 1983 to apply.
2. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Buildings, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon on Monday 12th December 1983.
3. Samples are to be provided where possible. Should samples not be available then brochures or other descriptive literature is to be forwarded to Procurement Section RBMR to arrive not later than the closing date of the tender. Local photographs are not acceptable.
4. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Bolkiah Camp, during normal hours, (0730 to 1230 and 1400 to 1630 Mondays to Thursdays, 0730 to 1230 Fridays, Saturdays and Sundays closed).
5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER No. 84/1983

SUPPLY OF GENERAL STORES

1. General conditions of RBMR Contract of purchase of Goods and Services dated February 1983 to apply.
2. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Buildings, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon on Monday 12th December 1983.
3. Samples are to be provided where possible. Should samples not be available then brochures or other descriptive literature is to be forwarded to Procurement Section RBMR to arrive not later than the closing date of the tender. Local photographs are not acceptable.
4. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Bolkiah Camp, during normal hours, (0730 to 1230 and 1400 to 1630 Mondays to Thursdays, 0730 to 1230 Fridays, Saturdays and Sundays closed).
5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Di Perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan Brunei

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

1. PEKERJA LUAR BATUK KERING: (di Jabatan Perubatan dan Kesihatan). (E/764/74).

Tanggagaji:
F. 2-3-4-5 EB. 6 — $390-$620 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:
a) Calon-calon mestilah berumur di antara 18 hingga 30 tahun dan lulus Tingkatan III (aliran Melayu) atau yang sebanding dengannya.
b) Calon-calon mestilah mempunyai pengalaman dalam urusan-urusan yang dikendalikan di Bahagian Klinik Dada.

2. PEMBANTU BENGKEL-BENGKEL: (Askar Melayu Diraja Brunei). (E/942/83).

Tanggagaji: D. 1-2-3 EB. 4-5 — $425-$1290 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:
a) Lulus sekurang-kurangnya satu mata pelajaran Sijil Am Pelajaran.
b) Berumur di antara 18 hingga 40 tahun.
c) Mempunyai pengalaman dalam Metalwork atau Woodwork sekurang-kurangnya 3 tahun.
d) Calon-calon yang mempunyai pengetahuan dan boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris adalah satu kelebihan.

Am:
Calon yang berjaya akan ditempatkan di Bengkel Pusat Pengajian, Bolkiah Kem.

3. PENOLONG PENGARANG: (di Dewan Bahasa dan Pustaka), (E/550/75).

Tanggagaji: D. 3 EB.4-5— $720-$1290 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:
a) Lulus Peperiksaan Sijil Brunei Cambridge (Peringkat Biasa) atau yang sebanding dengannya dan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu.
b) Mempunyai bakat dan pengalaman dalam karang-mengarang kreatif dan bukan kreatif dan dapat menunjukkan karya-karya yang sudah diterbitkan.
c) Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang dapat menguasai 2 bahasa dan juga berkebolehan membaca dan menulis Jawi dengan baik.

Satu ujian bertulis akan diberikan kepada semua calon untuk mempastikan kesesuaian mereka.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup: 26 Disember, 1983.

(Bil: 222/1983).

## KENYATAAN TAWARAN ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI

### NO. TAWARAN. 79/83
MEMBEKALKAN: ALTERNATOR UNTUK L/R 101"

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, terletak di luar Pejabat Kewangan Brunei, di tingkat bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, sehingga jam 12.00, hari Isnin 19 Disember, 1983.

2 Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Pejabat Procurement, Depoh Logistik, Askar Melayu Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730 — 1400 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat; Sabtu dan Ahad tidak dibuka).

3. Contoh-contoh, katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah diserahkan dan dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, AMBD tidak lewat dari 3 hari selepas tarikh Tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa adalah tidak diterima.

4. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

### NO. TAWARAN: 85/83
MEMBEKALKAN: CARDBOARD PACKAGES

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, terletak di luar Pejabat Kewangan Brunei, di tingkat bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, sehingga jam 12.00, hari Isnin 19 Disember, 1983.

2 Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Pejabat Procurement, Depoh Logistik, Askar Melayu Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730 — 1400 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat; Sabtu dan Ahad tidak dibuka).

3. Contoh-contoh, katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah diserahkan dan dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, AMBD tidak lewat dari 3 hari selepas tarikh Tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa adalah tidak diterima.

4. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

### NO TAWARAN: 86/83
MEMBEKALKAN: PERALATAN DAN PAKAIAN TENTERA

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, terletak di luar Pejabat Kewangan Brunei, di tingkat bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, sehingga jam 12.00, hari Isnin 19 Disember, 1983.

2 Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Pejabat Procurement, Depoh Logistik, Askar Melayu Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730 — 1400 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat; Sabtu dan Ahad tidak dibuka).

3. Contoh-contoh, katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah diserahkan dan dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, AMBD tidak lewat dari 3 hari selepas tarikh Tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa adalah tidak diterima.

### NO. TAWARAN: 87/83
MEMBEKALKAN: FIELD DRESSING

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, terletak di luar Pejabat Kewangan Brunei, di tingkat bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, sehingga jam 12.00, hari Isnin 19 Disember, 1983.

2 Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Pejabat Procurement, Depoh Logistik, Askar Melayu Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730 — 1400 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat; Sabtu dan Ahad tidak dibuka).

3. Contoh-contoh, katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah diserahkan dan dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, AMBD tidak lewat dari 3 hari selepas tarikh Tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa adalah tidak diterima.

4. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

### NO. TAWARAN: 88/83
MEMBEKALKAN: ENGINE ANALYASER SPARES (322 MOTOR MASTER)

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, terletak di luar Pejabat Kewangan Brunei, di tingkat bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, sehingga jam 12.00, hari Isnin 19 Disember, 1983.

2 Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Pejabat Procurement, Depoh Logistik, Askar Melayu Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730 — 1400 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat; Sabtu dan Ahad tidak dibuka).

3. Contoh-contoh, katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah diserahkan dan dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, AMBD tidak lewat dari 3 hari selepas tarikh Tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa adalah tidak diterima.

4. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

### NO. TAWARAN: 89/83
MEMBEKALKAN: PAM AIR UNTUK SANKEY

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, terletak di luar Pejabat Kewangan Brunei, di tingkat bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, sehingga jam 12.00, hari Isnin 19 Disember, 1983.

2 Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Pejabat Procurement, Depoh Logistik, Askar Melayu Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730 — 1400 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat; Sabtu dan Ahad tidak dibuka).

3 Contoh-contoh, katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah diserahkan dan dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, AMBD tidak lewat dari 3 hari selepas tarikh Tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa adalah tidak diterima.

4. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

### TAWARAN BIL. 90/1983
MEMBEKALKAN: PERALATAN DAN PAKAIAN TENTERA

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, terletak di luar Pejabat Kewangan, Brunei, di tingkat bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, sehingga jam 1200, hari Isnin 19 Disember, 1983.
2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Pejabat Procurement, Depoh Logistik, Askar Melayu Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730 — 1400 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat, Sabtu dan Ahad tidak dibuka).
3. Contoh-contoh katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah disertakan dan dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, AMDB tidak lewat dari 3 hari selepas tarikh Tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa adalah tidak diterima.
4. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

### TAWARAN BIL. 91/1983
MEMBEKALKAN: ALAT GANTI KAPAL

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, terletak di luar Pejabat Kewangan, Brunei, di tingkat bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, sehingga jam 1200, hari Isnin 19 Disember, 1983.
2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Pejabat Procurement, Depoh Logistik, Askar Melayu Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730 — 1400 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat, Sabtu dan Ahad tidak dibuka).
3. Contoh-contoh katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah disertakan dan dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, AMDB tidak lewat dari 3 hari selepas tarikh Tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa adalah tidak diterima.
4. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

### TAWARAN BIL. 92/1983
MEMBEKALKAN: SETOR AM

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, terletak di luar Pejabat Kewangan, Brunei, di tingkat bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, sehingga jam 1200, hari Isnin 19 Disember, 1983.
2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Pejabat Procurement, Depoh Logistik, Askar Melayu Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730 — 1400 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat, Sabtu dan Ahad tidak dibuka).
3. Contoh-contoh katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah disertakan dan dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, AMDB tidak lewat dari 3 hari selepas tarikh Tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa adalah tidak diterima.
4. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

### TAWARAN BIL. 93/1983
MEMBEKALKAN: ALAT GANTI SCAFFFOLDING

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, terletak di luar Pejabat Kewangan, Brunei, di tingkat bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, sehingga jam 1200, hari Isnin 19 Disember, 1983.
2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Pejabat Procurement, Depoh Logistik, Askar Melayu Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730 — 1400 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat, Sabtu dan Ahad tidak dibuka).
3. Contoh-contoh katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah disertakan dan dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, AMDB tida lewat dari 3 hari selepas tarikh Tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa adalah tidak diterima.
4. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

### TAWARAN BIL. 95/1983
MEMBEKALKAN: PERKAKAS PENGUJIAN ALAT HAWA DINGIN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, terletak di luar Pejabat Kewangan, Brunei, di tingkat bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, sehingga jam 1200, hari Isnin 19 Disember, 1983.
2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Pejabat Procurement, Depoh Logistik, Askar Melayu Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730 — 1400 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat, Sabtu dan Ahad tidak dibuka).
3. Contoh-contoh katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah disertakan dan dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, AMDB tidak lewat dari 3 hari selepas tarikh Tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa adalah tidak diterima.
4. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

### TAWARAN BIL. 96/1983
MEMBEKALKAN: PERKAKAS ABRASIVE BLAST

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, terletak di luar Pejabat Kewangan, Brunei, di tingkat bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, sehingga jam 1200, hari Isnin 19 Disember, 1983.
2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Pejabat Procurement, Depoh Logistik, Askar Melayu Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730 — 1400 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat, Sabtu dan Ahad tidak dibuka).
3. Contoh-contoh katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah disertakan dan dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, AMDB tidak lewat dari 3 hari selepas tarikh Tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa adalah tidak diterima.
4. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

### TAWARAN BIL. 97/1983
MEMBEKALKAN: FAST ASSAULT BOATS RIGID RAIDER.

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, terletak di luar Pejabat Kewangan, Brunei, di tingkat bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, sehingga jam 1200, hari Isnin 19 Disember, 1983.
2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Pejabat Procurement, Depoh Logistik, Askar Melayu Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730 — 1400 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat, Sabtu dan Ahad tidak dibuka).
3. Contoh-contoh katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah disertakan dan dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, AMDB tidak lewat dari 3 hari selepas tarikh Tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa adalah tidak diterima.
4. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

### TAWARAN BIL. 98/1983
MEMBEKALKAN: HARRIS RADIO SPARES USA

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, terletak di luar Pejabat Kewangan, Brunei, di tingkat bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, sehingga jam 1200, hari Isnin 19 Disember, 1983.
2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Pejabat Procurement, Depoh Logistik, Askar Melayu Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730 — 1400 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat, Sabtu dan Ahad tidak dibuka).
3. Contoh-contoh katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah disertakan dan dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, AMDB tidak lewat dari 3 hari selepas tarikh Tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa adalah tidak diterima.
4. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

## TAWARAN PEJABAT PERKHIDMATAN—PERKHIDMATAN ELEKTRIK

### TAWARAN BIL.: 128/1983

Tajuk Kerja: PEMASANGAN HAWA DINGIN PERUMAHAN DAN BALAI DIRAJA PADANG POLO DI JERUDONG PARK BRUNEI.

Tarikh tutup: 5 Disember, 1983 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $200.00.

Kelayakan bagi Pemborong:
Pemborong Hawa Dingin Kelas "A", "B" dan "C".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Sebagai Pembantu Teknik (Kejuruteraan Bangunan Dan Awam)

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PEMBANTU TEKNIK (KEJURUTERAAN BANGUNAN DAN AWAM) di Jerudong Park, Brunei.

**Tanggagaji:** D. 1-2-3 EB. 4-5 — $425-$1290 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Mempunyai G.C.E. 'O' Level dan lulus dalam mata pelajaran Ilmu Hisab dan Fizik.

b) Seorang Warga Negara Brunei yang berumur di antara 18 hingga 45 tahun.

c) Mestilah mempunyai City and Guilds Final Certificate dalam mata-mata pelajaran yang sesuai atau kelulusan yang sesuai atau kelulusan yang sebanding dari mana-mana Maktab Teknikal yang diiktiraf.

ATAU

d) Mereka yang tidak mempunyai kelulusan di (c) tetapi mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman praktikal dalam salah satu, atau lebih, cawangan-cawangan kerja kejuruteraan yang berikut akan juga dipertimbangkan. Kerja-kerja kejuruteraan Awam (Bangunan) ukur Kuantiti, pembekalan air daripada parit dan taliair, kerja-kerja saluran najis, Kejuruteraan Sektural dan jalan raya.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup: 26 Disember, 1983.

(E/871/78)
(Bil: 229/83).

## KENYATAAN TAWARAN

TAWARAN-tawaran daripada "Class A & B Air Cond. Contractor adalah diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, sehingga hari Selasa, 12 Disember, 1983 jam 12.00 tengah hari bagi kerja pemasangan yang tersebut di bawah:—

"AIR CONDITIONING INSTALLATION TO DEWAN BAHASA & PUSTAKA FOR TUTONG, BRUNEI."

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang disebutkan di atas akan tidak dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar melalui sampul surat yang bertutup dengan tidak memberikan apa-apa identiti pemborong dan sampul surat itu mestilah ditujukan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dan mestilah ditanda degan seperti berikut:—

"AIR CONDITIONING INSTALLATION TO DEWAN BAHASA & PUSTAKA FOR TUTONG, BRUNEI."

4. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan didapati dari pejabat berikut:—

UNI KONSULT JURUTERA PERUNDING
No. 202, Seri Shopping Complex,
Mile 1¼, Jalan Tutong,
P.O. Box 2338,
Bandar Seri Begawan.

mulai daripada hari Rabu 30 November, 1983 dalam waktu pejabat.

5. Cagaran tawaran (tender) deposit) sebanyak $500.00 (lima ratus ringgit sahaja) adalah dikehendaki dibayar oleh pemborong-pemborong. Cagaran ini akan dikembalikan kepada semua pemborong-pemborong yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang (bona-fide tender).

6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat menerima tawaran-tawaran yang rendah ataupun apa-apa jua tawaran.

## Tawaran Pejabat Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik Brunei

**TAWARAN BIL. 99/1983**
Tajuk Kerja: PEMASANGAN HAWA DINGIN UNTUK KLINIK BIDAN DAN PERUMAHAN DI KAMPUNG SUNGAI BESAR, BRUNEI.
Tarikh tutup: 19 Disember, 1983 jam 12.00 tengah hari.
Cengkeram: $200.00.
Kelayakan bagi Pemborong: Pemborong Hawa Dingin "A", "B" dan "C".
Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**TAWARAN BIL. 100/1983**
Tajuk Kerja: PEMASANGAN HAWA DINGIN UNTUK KLINIK BIDAN DAN PERUMAHAN DI KAMPUNG SUBOK, BRUNEI.
Tarikh tutup: 19 Disember, 1983 jam 12.00 tengah hari.
Cengkeram: $200.00.
Kelayakan bagi Pemborong: Pemborong Hawa Dingin "A", "B" dan "C".
Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**TAWARAN BIL. 123/1983**
TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong Bangunan Elektrik yang berdaftar Kelas "C" yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari, Isnin 5 Disember, 1983 bagi kerja-kerja berikut:—
PEMBINAAN BILIK REAKTER DI HALAMAN JANAKUASA, SERIA.
Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Perkhidmatan-perkhidmatan Letrik, Brunei.
Cengkeram (deposit) untuk tawaran ini adalah $300.00.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN J.K.R. KUALA BELAIT

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. *Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Pejabat Pegawai Kewangan Negara di Tingkat Bawah Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).*
2. *Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.*
3. *Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei.*
4. *Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.*
5. *Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).*
6. *Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.*
7. *Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.*
8. *Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.*

### SERIAL No. KB. 71/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk:

PROJEK: "MEMBAIKI KEROSAKAN, MENGECAT LUAR DAN DALAM DI BANGUNAN LAMA SEKOLAH KEJURUTERAAN JEFRI BOLKIAH DAN PERUMAHAN GURU-GURU KUALA BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 1 Disember, 1983.
Tarikh tutup: 12 Disember, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00.

### SERIAL No. KB. 72/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk:

PROJEK: "MEMBAIKI KEROSAKAN, MENGECAT LUAR DAN DALAM DI BANGUNAN SEKOLAH INGGERIS PERDANA WAZIR DAN PERUMAHAN GURU-GURU KUALA BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 1 Disember, 1983.
Tarikh tutup: 12 Disember, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00.

### SERIAL No. KB. 73/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong untuk:

PROJEK: "MEMBEKALKAN 28 SETS PERABOT KELAS III BAGI JABATAN PELAJARAN KUALA BELAIT." (6 SETS BAGI SEKOLAH MELAYU LUMUT, 18 SETS BAGI SEKOLAH MELAYU PANAGA DAN 4 SETS BAGI SEKOLAH MELAYU LABI).

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 8 Disember, 1983.
Tarikh tutup: 12 Disember, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00.

### SERIAL No. KB. 74/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong untuk:

PROJEK: MEMBEKALKAN CAT BAGI J.K.R. KUALA BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 8 Disember, 1983.
Tarikh tutup: 12 Disember, 1983.
Cagaran tawaran: $100.00.

## Sebagai Tukang Kayu Tingkat [illegible]

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai TUKANG KAYU TINGKAT II, di Pejabat Laut, Brunei.

**Tanggagaji:** F. 3-4 EB. 5 — $430-$560 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang dari 20 tahun serta mempunyai pengalaman praktikal sebagai Tukang Kayu Perahu.

b) Pemohon-pemohon mestilah lulus Darjah V Melayu atau yang sebanding dengannya, tetapi kelulusan yang rendah akan diterima bagi Pegawai-Pegawai yang lebih tua.

c) Pemohon-pemohon mestilah berkebolehan dalam kerja-kerja membuat dan membaiki serta kerosakan-kerosakan perahu-perahu Motosangkut dan Tamuai-Tamuai serta membaiki kapal-kapal penumpang yang kecil.

d) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengetahuan yang [illegible] jenis-jenis kayu [illegible] alat pengikat [illegible] kan di dalam [illegible] kapal-kapal [illegible] bermotor.

e) Calon-calon [illegible] kan ujian [illegible] tuk menilai [illegible] reka sebagai Tukang [illegible] Perahu

Seseorang yang [illegible] khidmat dengan Kerajaan [illegible] daklah menghantar [illegible] honannya melalui Ketua [illegible] tannya dan Ketua Jabatan [illegible] hendaklah menyertakan [illegible] sama-sama dengan [illegible] an ini satu Laporan [illegible] satu salinan Rekod [illegible] matan yang lengkap.

Permohonan - [illegible] mestilah dihantar [illegible] salinan borang yang [illegible] dapati daripada Jabatan [illegible] jawatan, Brunei dan [illegible] lah dikembalikan [illegible] sama dengan salinan [illegible] surat akuan dan [illegible] kepada Setiausaha, [illegible] jaya Perkhidmatan [illegible] Bandar Seri Begawan, [illegible] Tingkat 5, Bangunan [illegible] Tarikh tutup: 19 Disember [illegible] 1983.

(Bil: 224/1983)
(E/1824/76)

## JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI PEMBERITAHUAN TAWARAN

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. *Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Pejabat Pegawai Kewangan Negara di Tingkat Bawah Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan) kecuali* hari kelepasan awam.
2. *Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.*
3. *Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei.*
4. *Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya Brunei, Bandar Seri Begawan, Brunei.*
5. *Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).*
6. *Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.*
7. *Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.*
8. *Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.*

### BIL. 400 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK: "PEMASANGAN ELEKTRIK BAGI PUSAT BELIA DAN KOMPLEKS SUKAN PERINGKAT II, KUALA BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di J. Roger Preston and Patners di Batu 1, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei Tel: 20259 dan [illegible] hingga jam 4.00 petang hari Khamis 15 Disember, 1983.
Tarikh tutup: 19 Disember, 1983.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 401 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'C' dan ke atas untuk:

PROJEK: "SUB-KONTRAK BAGI SALURAN KOTOR UNTUK CADANGAN KELAB "JUNIOR RANKS" BAGI ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI DI CANTONMENT PENANJONG."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Sabah Akitek dan Rakan, Rm 403, Bangunan Guru-Guru Melayu, P. O. Box 2316, Bandar Seri Begawan, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 8 Disember, 1983.
Tarikh tutup: 12 Disember, 1983.
Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SEBAGAI PENYUNTING KANAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PENYUNTING KANAN (INGGERIS) di Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bahagian Penerangan, Brunei.

**Tanggagaji**: C. 3-4 EB. 5 — $1735-$2580 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

a) Lulus mata pelajaran Bahasa Melayu/Kesusasteraan Melayu 'A' Level dan tiga mata pelajaran 'O' Level termasuk Bahasa Inggeris (tidak termasuk mata pelajaran senilukis); atau
b) Mempunyai Diploma yang diakui dalam bidang penerbitan dan percetakan atau pernah mengikuti kursus dalam bidang seni kreatif penulisan.
c) Mempunyai pengalaman dalam menyelenggarakan penyuntingan buku dan majalah tidak kurang 3 tahun.
d) Fasih menulis dan bertutur dalam Bahasa Inggeris.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup: 15 Disember, 1983.

( Bil : 221/1983 ).
( E/73/80 )

## Sebagai Buruh Kasar Bergaji Hari

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan untuk memenuhi jawatan seperti berikut: —

a) Nama Jawatan: Buruh Kasar/separuh mahir/mahir.
b) Nama Majikan: Jabatan Perpindahan, Brunei.
c) Kadar Gaji: $13.60 — $23.10 sehari.

1. Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 tahun hingga 45 tahun.
2. Hendaklah tahu menulis dan membaca.
3. Pemohon-pemohon yang berumur 56 tahun dan telah bersara boleh juga memohon untuk dipertimbangkan.
4. Pemohon-pemohon yang tinggal di kawasan yang berdekatan seperti berikut adalah diutamakan:
   i) Jabatan Perpindahan, Brunei.
   ii) Kampung Perpindahan, Berakas.
   iii) Kampung Perpindahan Mata-Mata, Gadong.
   iv) Kampung Perpindahan Serasa, Muara.
5. Gaji permulaan akan tertakluk kepada pengalaman dan kelayakan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab**:

1. Menjaga dan membersihkan di kawasan Taman Permainan Kanak-Kanak, Jalan Surapit, Kampung Jaya Bakti, Perpindahan, Berakas.
2. Memelihara dan membersihkan kawasan-kawasan Perpindahan.
3. Membuat kerja-kerja menebas, merantis, menarik rantai dan sebagainya.

Pemohon-pemohon adalah diminta untuk mendaftar di Bahagian Pusat Pekerjaan, Pejabat Buruh, Tkt. 2, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Brunei dan menghantar surat permohonan melalui Pejabat Buruh tidak lewat dari 19 Disember, 1983.

## GOVERNMENT OF THE STATE OF BRUNEI
### BSB WATER SUPPLY STAGE 4
### CONTRACT 42 — BENUTAN DAM AND RESERVOIR
### PREQUALIFICATION OF CONTRACTORS

CIVIL Engineering contractors wishing to prequalify for the Benutan Dam Project as detailed below should submit full particulars of the firms capability and experience on the "Standard prequalification form for Contractors" published by the International Federation of Consultancy Engineers (FIDIC).

Only firms with experience of dam construction will be considered.

Forms together with a detailed scope of work description may be obtained from the offices of Watson Hawksley Asia Brunei or Singapore. Submissions on the standard form only will be accepted.

The project comprises: —

1) Earthfill embankment constructed from locally available materials including major dewatered excavation through recent alluvial deposits — maximum depth of excavation 85 ft. Total volume of earthworks approximately 4.3 million cubic yards.
2) Diversion/outlet tunnel of 12ft. dia. precast concrete segments approximately 700ft. long, reinforced concrete outlet shaft and tailbay structure.
3) Overflow spillway structure formed by reinforced concrete lined channel and stilling basin.
4) Miscellaneous site works including service roads, drainage, operations building, reservoir basin clearance.

Futher enquiries should be directed to: —

Watson Hawksley Asia,
Suite 40, Hongkong Bank Chambers,
Jalan Pemancha,
Bandar Seri Begawan,
STATE OF BRUNEI.

*or*

Watson Hawksley Asia,
Tunas Building,
114, Anson Road, 19-00,
SINGAPORE 0207

Submissions in duplicate should be made by 31st December, 1983 to either of the above offices. Successful candidates will be notified. No reason will be given why a particular contractor is not shortlised.

## Sebagai Tradesman Tingkat 1

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai TRADESMAN TINGKAT I di Pejabat Daerah Belait.

**Tanggagaji**: E. 1-2-3 EB. 4 $410-$700 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 25 hingga 45 tahun.
b) Mestilah pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu Kelas Lima (V) dan Kelas sebelas (XI) dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan memandu.
c) Lulus Darjah V Sekolah Melayu atau yang sebanding dengannya.
d) Mestilah boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil kenderaan-kenderaan ringan dan mesin-mesin.
e) Berpengalaman dan pernah bekerja sebagai seorang Tradesman di sesebuah Workshop Motor/Mesin-mesin adalah merupakan satu kelebihan

Tugas-tugas:

Pemohon-pemohon mestilah bersedia bertugas sebagai Pemandu atau membantu kerja membaiki kerosakan-kerosakan kenderaan/mesin dan mestilah bersedia untuk bertugas di luar waktu bekerja yang lazimnya bagi kakitangan Kerajaan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup: 15 Disember, 1983.

( Bil : 220/1983 ).
( E/1033/78 ).

## TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT
### TENDER NOTICE
### PROJECT NO. 2098

1. TENDERS are invited from registered Telecoms contractors with A or B classification.
2. The said tenders are for Extension of Duct Route along Jalan Kiarong toward Manglite Shophouse.
3. Tenders should be placed in the Tenders Board, situated outside the office of the State Financial Officer on the ground floor of the State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, not later than Monday 19th December, 1983. Tenders received after the said time will be rejected.
4. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked: —

TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT
TENDER FOR PROJECT 2098

5. Detailed tender documents can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Brunei upon a deposit of $500.00 which will be refunded to all unsuccessful tenderers. The tender deposit will be forfeited from any tenderer who fails to submit a tender.
6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.
7. Joint consultation and on site inspection of the work is a condition of tender, and prospective contractors must meet with the Director's Representative at 1000 hours on Monday 12th December, 1983 at the New Manglite Shophouse, Jalan Kiarong. Tenders will not be accepted from contractors who have not attended the joint on site inspection.

## TAWARAN JABATAN STOR-STOR DAN PERBEKALAN NEGARA

### No. 85/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 12 Disember, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei: —

SUPPLY OF CAST IRON FITTINGS TO BS 2035 CL "CD" PLAIN ENDED CLASS 'B' OR 'C' SUITABLE FOR USE WITH A/C PIPE CLASS "B" OR 'C'.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 86/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 12 Disember, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei: —

SUPPLY OF ASBESTOS CEMENT PRESSURE PIPES & JOINTS TO BS. 486/1966 CLASS 'B' OR 'C' BITUMEN DIPPED PIPES TO BE SUITABLY PROTECTED AGAINST SCHIPPING AT ENDS. PIPES SHOULD BE IN STANDARD LENGTH OF 4 METRES.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 87/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 12 Disember, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei: —

SUPPLY OF RUBBER DUSTBIN WITH LID.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 88/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 12 Disember, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei: —

SUPPLY OF AIR VALVES 1" SELF ACTING, C.I. BODY & COVER WITH CONICAL RUBBER OUTLET SEAT & GUIDE FOR BALL ACTING UNDER PRESSURE. FITTED WITH 3.15/16 BALL FOR WORKING PRESSURE UP TO 12 BAR (400 FT) FITTED AT INLET WITH SWIVELLED VALVE STOP COCK, SCREWED MALE 1" BSPT. (REF. GEOGE KENT FIGURE NO. 211)

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 89/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin tengah hari, hari Isnin 12 Disember, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei: —

SUPPLY OF GALVANISED IRON PIPE FITTINGS FOR USE FOR GALVANISED IRON PIPE FOR WATER MEDIUM SERIES TO BS 1387/1967

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong, Brunei semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 90/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 19 Disember, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara Brunei: —

SUPPLY OF DOOR CLOSER TYPE 71 "RYOBI" ATAU YANG SEBANDING DENGANNYA.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 91/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 19 Disember, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara Brunei: —

SUPPLY OF GALVANISED IRON PIPE FITTINGS SUITABLE FOR USE FOR GALVANISED IRON PIPE FOR WATER MEDIUM SERIES TO B.S. 1387/1967.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong, Brunei semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 92/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 19 Disember, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei: —

SUPPLY OF CAST IRON DOUBLE FLANGED SLUICE VALVE B.S. 1218 CLASS I FITTED WITH SPINDLE CAP AND ARRANGED FOR CLOCKWISE CLOSING FLANGED TO B.S. 10 TABLE "D".

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 93/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 19 Disember, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei: —

PERBEKALAN PARANG MELAYU 19" DAN PARANG BENGKOK CAP "33".

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 94/1983

TAWARAN-Tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 19 Disember, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei: —

SUPPLY OF WHEELER HYDRAULIC PIPE CUTTER MODEL 29908 FOR CUTTING A.C. PIPE 2" — 8".

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

# 10 penghuni terima kunci rumah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu majlis penyampaian kunci rumah telah diadakan di bilik gerakan Jabatan Perpindahan bagi seramai 10 orang penghuni-penghuni rumah perpindahan di Kampung Mata-mata Gadong pada hari Khamis yang baru lalu.

Majlis tersebut telah dilakukan oleh Timbalan Pengarah Kerja Raya Awang Zakaria bin Dato Paduka Haji Nordin yang juga telah menyatakan penghargaan terima kasih kepada penduduk-penduduk yang telah memberikan kerjasama mengosongkan rumah-rumah mereka di Kampung Sumbiling Baru bagi membolehkan pihak Kerajaan membina jalan tambahan yang melibatkan kampung mereka.

Menurutnya, Jabatan Kerja Raya pada masa ini sedang menguruskan pembinaan sebuah masjid bagi kemudahan masyarakat yang berugama Islam beribadat di tempat tersebut.

Selain dari penduduk-penduduk Kampung Sumbiling Lama, mangsa-mangsa kebakaran dari Kampung Sungai Kedayan 'A' dan Kampung Bunut juga mendapat rumah perpindahan yang sama.

Terdahulu dari itu, Pengarah Perpindahan Awang Haji Othman bin Haji Ya'akub juga telah menyampaikan ucapannya dengan mengingatkan penduduk-penduduk yang telah berpindah di kawasan perpindahan tersebut supaya sentiasa mematuhi peraturan dan syarat-syarat yang dikenakan kepada mereka.

Beliau berharap penduduk-penduduk tersebut akan dapat menyesuaikan diri mereka terutama sekali pada menjalin dan mengeratkan perhubungan tali silaturahim di kalangan mereka.

Sebelum ini lebih dari 140 buah rumah telah diperuntukkan kepada penduduk-penduduk yang layak mendapat kebenaran kerajaan untuk mendiami rumah-rumah tersebut yang terdiri dari penduduk-penduduk Kampung Sumbiling Baru, Sumbiling Lama dan Sultan Lama, dengan perbelanjaan sebanyak $72 ribu sebuah.

Hadir di majlis tersebut ialah Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pegawai-pegawai dari jabatan-jabatan Kerajaan serta ketua-ketua kampung. Majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat.



TIMBALAN Pengarah Kerja Raya, Awang Zakaria bin Dato Paduka Haji Nordin sedang menyampaikan kunci kepada salah seorang penghuni.

## Hadiri bengkel pemetan di Indonesia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ketua Unit Kartography Bahagian Pemetaan, Awang Abdul Ghani bin Haji Ahmad kini berada di Bandong, Indonesia untuk menghadiri Bengkel bagi Pemetaan Hydrogeologi. Bengkel selama seminggu itu akan berakhir pada 3 Disember depan.

Ini adalah kali pertama Negara Brunei Darussalam diundang menghadiri bengkel tersebut. Pemergian Awang Abd Ghani dibiayai oleh ESCAP dan Regional Mineral Resoucers Development Centre di bawah rancangan Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Bengkel tersebut antara lain akan mengkaji perkembangan-perkembangan yang telah dicapai bagi pemetaan Hydrogeologi di rantau Asia-Pasifik dan juga sama-sama membincangkan masalah-masalah yang terdapat dalam pembuatan peta hydrogeologi di negara-negara yang berkenaan serta menekankan peri mustahaknya peta-peta hydrogeologi untuk perkembangan sumber-sumber air.

Dengan penyertaan Negara Brunei Darussalam di bengkel tersebut merupakan satu pengalaman dan pelajaran serta akan menjadi panduan bagi projek Pemetaan Hydrogeological Brunei di masa akan datang.



ENCIK Tajul Rusli kelihatan sedang dialu-alukan oleh Y.A.B. Pemangku Menteri Besar Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz semasa membuat kunjungan ke pejabat Y.A.B. Kiri kelihatan Y.B. Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussein.

# MBM LAKUKAN LAWATAN SINGKAT

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu rombongan yang mengandungi sembilan orang ahli Majlis Belia Malaysia telah mengadakan lawatan sehari ke negara ini pada 23 November lalu.

Rombongan itu telah diketuai oleh Yang Dipertua majlis tersebut, Encik Tajul Rusli bin Haji Mohd Ghazali yang juga selaku Setiausaha Agung bagi Pertubuhan Kerjasama Belia Asean.

Lawatan singkat mereka adalah bertujuan untuk mengeratkan lagi persahabatan yang sedia terjalin di samping mempelawa Majlis Belia Brunei untuk menjadi ahli kepada Pertubuhan Kerjasama Asean.

Dalam lawatan tersebut ketua rombongan dan Setiausaha Agung telah sempat mengadakan kunjungan kehormat secara peribadi kepada Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz di pejabat Y.A.B.

Sebelum itu ahli-ahli rombongan telah mengadakan kunjungan kehormat kepada Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussein di pejabat Y.B.

Sebelum mengadakan rundingan rasmi dengan ahli-ahli jawatankuasa tertinggi Majlis Belia Brunei, ahli-ahli rombongan MBM telah juga berkesempatan mengadakan lawatan ke Jabatan Radio dan Televisyen Brunei.

## Pertunjukan kegiatan Askar Muda

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pusat Latihan Askar Melayu Diraja akan mengadakan pertunjukan kegiatan Askar Muda pada hari Jumaat 9 Disember. Pertunjukan tersebut akan diadakan di Padang Kawat Askar Muda Perkhemahan Bolkiah mulai jam 8.00 pagi.

Pemangku Pengarah Pelajaran Dato Paduka Awang Selamat bin Munap akan menjadi tetamu kehormat di pertunjukan tersebut.

Orang ramai terutama keluarga Askar Muda adalah dipersilakan datang untuk menyaksikan pertunjukan tersebut.

## Kursus kepimpinan pemimpin Belia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan Brunei akan menganjurkan kursus bersiri asas kepimpinan untuk pemimpin-pemimpin belia yang belum pernah mengikuti kursus seumpama itu bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah selama tiga hari mulai 20 hingga 22 Disember depan.

Matlamat kursus tersebut antara lain adalah bagi menambah ilmu pengetahuan dan kecekapan pemimpin-pemimpin persatuan belia dalam melaksanakan urusan pentadbiran persatuan mereka, di samping membantu mereka mengembangkan daya usaha dan kreativiti serta membentuk sikap dan pemikiran mereka dalam menghadapi masyarakat.

Dalam kursus itu mereka antara lain akan didedahkan kepada beberapa aspek iaitu matlamat belia, perkembangan pergerakan belia di Brunei dan lain-lain.

## Bangunan ... Pertanian ... Daerah

BANDAR SERI BEGA... — Kerajaan kini ... bina bangunan ... Jabatan Pertanian ... Jabatan Daerah Brunei ... Muara yang menelan ... sebanyak lebih dari ... bilan juta ringgit.

Satu majlis ... memulakan kerja-kerja ... bangun' ke atas ... bangunan tersebut ... diadakan pada hari ... lepas yang telah ... nakan oleh Awang ... Mohamad bin Haji ... Pegawai Daerah Brunei ... Muara, sementara Dr ... bin Othman mewakili ... Pertanian.

Bangunan baru ... di salah sebuah ... lapangan terbang ... Berakas, dan projek ... naannya dilakukan ... Syarikat Khin Ping ... Limited.

Majlis tersebut ... dihadiri oleh Pegawai-pegawai dari Jabatan ... Raya, Jabatan Pertanian ... Jabatan Daerah, dan ... dengan bacaan doa selamat.



KELIHATAN Pegawai Daerah-Brunei Muara bersama pegawai-pegawai ... kakitangan Pejabat Daerah dan Pertanian sedang memerhati ... bangunan tersebut.

# Muzium tayangkan filem pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Perkhidmatan Pelajaran Muzium Brunei akan mengadakan satu siri tayangan filem percuma yang bercorak pendidikan selama 30 minit mulai 1 Disember, 1983, bertempat di Dewan Muzium tersebut.

Rancangan ini adalah merupakan satu projek jangka panjang Bahagian Perkhidmatan Pelajaran Muzium Brunei sebagai satu langkah menanamkan pengertian yang lebih mendalam mengenai fungsi Muzium dan kaitannya dengan masyarakat, sejarah, pendidikan dan alam sekitar kepada orang ramai terutama sekali penuntut-penuntut sekolah.

Rancangan awal akan dimulai dengan enam tayangan filem untuk selama tiga hari dalam seminggu iaitu pada hari-hari Khamis, Sabtu dan Ahad. Setiap tayangan akan dimulakan pada jam 10.00 pagi dan 2.00 petang.

Orang ramai terutama sekali penuntut-penuntut sekolah adalah dipersilakan untuk menyaksikannya.

## Pendaftaran mena... dan trengkas

TUTONG. — Pendaftaran bagi mengikuti Kelas Pe... jaran iaitu Kelas-kelas Mena... dan Trengkas bagi ta... 1984 di Sekolah Melayu M... Hashim, Tutong ak... dimulakan pada 1 Disember hingga 31 Disember, 1983.

Pelajar-pelajar yang ... minat untuk memasuki ke... kelas tersebut bolehlah m... dapatkan borang pendaftaran dari guru-guru di sek... tersebut pada tiap-tiap ... Jumaat dan Ahad dari ... 8.00 pagi hingga 10.00 pa...

## Kebajikan anjur 'Big Walk'

BANDAR SERI BEGAWAN. — Badan Kebajikan, Kebudayaan dan Sukan Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan Brunei akan menganjurkan 'Big Walk 83' pada 4 Disember depan.

Ianya bermula dari kawasan Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Lapangan Terbang Lama pada pukul 6.30 pagi dan akan berak... di Pantai Muara. Sera... lebih kurang 180 orang ... ahli badan tersebut ... mengambil bahagian.

Projek yang julung-ju... kalinya diadakan itu ada... bertujuan bagi mengutip ... ma untuk Tabung Ora... orang Cacat, Orang-Or... Buta dan tabung ba... tersebut.